Bagi anak-anak tempatan yang berkebolehan, mereka itu selalunya bila mau melanjutkan pendidikan mereka, mereka akan dihan ar ke institusi-institusi pengajian di Semenanjung seperti di Maktab Melayu, Kuala Kangsar, dan maktab perguruan Sultan Idris. Itu penumbuhan awal sistem pendidikan formal sekolah Melayu dan pada tahun 1951 ditubuhkan sekolah Inggris di Brunei dan penubuhan sekolah Inggris ini bagi saya merupakan satu cubaan bagi kedudukan bahasa Melayu yang mana ternyata kemajuan-kemajuan sekolah aliran Inggris itu adalah lebih cepat daripada sekolah aliran Melayu. Misalnya, dalam tahun 1984 telah diperkenalkan pemeriksaan tingkatan 3 aliran Inggris, yaitu menengah rendah, sementara pada tahun yang sama juga persekolahan Melayu masih lagi terhad pada peringkat rendah. Cuma dalam tahun 1966 sekolah menengah Melayu pertama mula ditubuhkan barulah pelajar-pelajar dari aliran Melayu itu berpeluang melanjutkan pelajaran yang pada mulanya sehingga tingkatan 3, kemudian di tahun-tahun kemudian hingga peringkat sijil am pelajaran ataupun tingkatan 5 dan seterusnya sampai ke tingkatan 6 dan lulusan sekolah ini yang berhajat umum meneruskan pelajaran ke peringkat universiti atau institusi, pelajar tinggi yang lain akan mendapatkannya juga di luar negeri terutamanya di Malaysia. Akan tetapi, bilangan pelajar-pelajar dari aliran Melayu ini agak terhad dibandingkan dengan pelajar-pelajar aliran Inggris.

Jadi, apa yang dapat kita lihat di sini bahawa penuntut-penuntut aliran Inggris itu ternyata mempunyai peluang yang luas untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di luar atau dalam negeri dan dengan demikian akan lebih cepat untuk mendapatkan

pekerjaan dalam berbagai bidang. Wujudnya dua aliran bahasa ini, yaitu bahasa Melayu dan Inggris dalam sistem pendidikan Brunei adalah hasil dari pelaksanaan dasar pelajaran negara yang berhasrat untuk mendidik semua bangsa di bawah sistem pelajaran kebangsaan yang wajib dan percuma serta menggunakan bahasa kebangsaan atau bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang utama.

Jadi, oleh yang demikian sekolah-sekolah yang dimiliki kerajaan kecuali sekolah aliran Inggris adalah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Jadi, ini semata-mata untuk mendukung matlamat menjadikan lebih secepat mungkin bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan sesuai dengan kehendak perlembagaan Brunei tahun 1959 (itu menurut laporan pelajaran tahun 1972). Walau bagaimanapun, murid-murid yang lulus dan memperolehi markah yang dikehendaki dalam ujian setelah mencapai darjah 4 dalam aliran Melayu juga diberi peluang untuk memasuki sekolah-sekolah aliran Inggris yang menggunakan bahasa Inggris sebagai bahasa pengantar untuk mata-mata pelajaran mereka kecuali pelajaran bahasa dan sastra Melayu, dan agama Islam. Jadi, dasar ini membolehkan murid-murid yang tidak terpilih memasuki aliran Inggris. Mereka itu boleh meneruskan pelajaran mereka dalam aliran Melayu sehingga ke peringkat menengah atas yang pada keseluruhannya dalam aliran Melayu semuanya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Jadi, wujud dua aliran sekolah: sekolah aliran Melayu dan sekolah aliran Inggris.

Dalam tahun 1984 satu perubahan yang besar dilakukan dalam sistem pendidikan di Brunei di mana diperkenalkan sistem dwibahasa. Murid-murid sekolah kini diajar dengan menggunakan dua bahasa, yaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggris. Jadi, pengasingan kepada aliran Melayu dan Inggris seperti yang dijalankan sebelumnya itu sudah tidak dilaksanakan lagi pada masa sekarang. Jadi, murid-murid sekolah yang mencapai darjah 4 akan terus diajar dengan pengantaran bahasa Inggris kecuali dalam mata-mata pelajaran bahasa Melayu dan agama Islam. Dalam sistem dwibahasa yang ada sekarang kebanyakan mata pelajaran diajarkan dalam bahasa Inggris, kecuali mata pelajaran bahasa Melayu dan agama

Islam.

Jadi, dengan wujudnya sistem dwibahasa ini, maka penggunaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah dan di maktab-maktab adalah terhad kepada mata-mata pelajaran yang tidak bersifat *technical*. Jadi, seperti agama Islam, lukisan, urusan-urusan rumah tangga, civics, muzik itu dalam bahasa Melayu. Sementara mata-mata pelajaran yang bersifat *technical*, sains, geografi, dan sebagainya itu diajarkan dalam bahasa Inggris. Sekurang-kurangnya dalam sistem yang lama kalau penuntut itu berada di aliran Melayu, dia boleh semua mata pelajaran akan diajarkan dalam bahasa Melayu sehingga ke tingkatan 6.

Jadi, ini satu cabaran dan sistem dwibahasa ini juga saya kira mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu di peringkat pengajaran tinggi. Kalau kita melihat institusi-institusi yang menawarkan kursus profesional dan *technical* hampir keseluruhan mata pelajarannya disampaikan melalui bahasa Inggris dan oleh kerana Brunei merupakan sebuah negara yang amat kecil dengan penduduknya \pm 260.000, tentu tenaga pengajarnya juga tidak mencukupi dan kebanyakan tenaga-tenaga mahir juga didatangkan dari luar dan kebanyakan dari luar negeri. Kalau di institusi profesional dan *technical*, kebanyakannya didatangkan dari negara-negara Barat. Jadi, penggunaan bahasa Inggris itu lebih meluas.

Di Universiti Brunei Darussalam pula sama juga, walaupun memang ada, universiti itu baru ditubuhkan kebanyakan kursus-kursus yang dijalankan yang bersifat *technical* itu juga digunakan bahasa Inggris. Cuma fakulti sastra saja yang mengenalkan pengajaran Melayu itu dijalankan dalam bahasa Melayu. Semua kursus sains dan pentadbiran masih dikendalikan sepenuhnya dalam bahasa Inggris. Jadi, saya sengaja menimbulkan perkara ini kerana itu merupakan satu cabaran. Satu isu mungkin dalam pemakaian bahasa Melayu, lebih-lebih lagi penggunaan bahasa Melayu menyelang masyarakat industri yang kita kaitkan dengan perkembangan sains dan teknologi kebolehan menggunakan bahasa Melayu itu mungkin tercapai, jika sistem pendidikan itu masih berjalan seperti apa yang ada sekarang. Jadi, nampak belum ada kesungguhan yang dibuat bagi penggunaan bahasa Melayu sebagai penyampai ilmu bidang-bidang sains dan *technical* dalam sistem pendidikan. Di negara

Brunei Darussalam masih ramai yang beranggapan bahawa lebih senang untuk mempelajari dan mengajarkan ilmu di bidang-bidang tersebut melalui perantaraan bahasa Inggris yang pada pendapat umum sudah diihtirab sebagai bahasa antarbangsa dan bahasa ilmu. Kekurangan tenaga mahir yang belum menguasai bahasa Melayu dengan baik merupakan faktor utama timbulnya kecenderungan untuk menggunakan bahasa Inggris.

Kesulitan bertambah bilamana terdapat kekurangan buku-buku ilmiah dalam bahasa Melayu untuk dijadikan buku teks dan rujukan dan kekurangan istilah dalam bidang-bidang berkenaan turut menimbulkan keraguan tentang keupayaan bahasa Melayu untuk berfungsi sebagai bahasa pengantar yang berkesan. Jika pun istilah-istilah baru dicipta, namun terasa bagi masyarakat Brunei sepenuhnya beranggapan bahawa terdapat kejanggalan dalam pemakaiannya disebabkan oleh masukan unsur-unsur bahasa asing yang menimbulkan dakwaan bahawa bahasa Melayu sekarang susah. Susah untuk dipahami dan begitu asing bagi pendengar dan pengucapan mereka. Alasan-alasan seperti ini yang terdapatnya pilihan untuk menggunakan terus bahasa Inggris di dalam sistem pendidikan dwibahasa itu, maka sekarang terdapat belum ada tekanan atau *pressure* untuk menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya buat masa ini untuk mengajarkan mata-mata pelajaran sains dan *technical*.

Melihat bahasa Melayu dalam konteks ideologi negara memang diakui bahawa kewujudan negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam beraja memang bukan suatu perkara baru dan memang kewujudan negara Brunei Darussalam sebagai Melayu Islam beraja itu memang wujud sejak beberapa dekad abad yang lalu. Cuma barangkali ditegaskan lagi sebagai suatu ideologi negara dalam titah kemasyuran kemerdekaan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan yang menegaskan mulai bahawa 1 Januari 1984 negara Brunei Darussalam dengan izin serta limpah karunia Allah akan terus selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam beraja itu ditegaskan oleh Sultan dalam pemasyarakatan kemerdekaan. Ia akan kekal sebagai negara Melayu Islam beraja. Sebagai sebuah negara Melayu yang mana bangsa

Melayu merupakan penduduk Melayu yang dominan dan bangsa Melayu juga orang yang memegang tampuk pemerintahan dan pentadbiran, tentunya bahasa Melayu juga diberi kedudukan yang istimewa sebagai salah satu identiti bangsa dan negara Brunei itu sendiri. Pendaulation bahasa Melayu sebagai bahasa resmi termaktub dalam perkembangan negara Brunei yang dituliskan tahun 1959 yang dalam bab 4 ayat 2 yang telah menaikkan taraf bahasa itu yang sebelumnya mendapat saingan dari bahasa Inggris, menaikkan taraf bahasa itu sebagai bahasa resmi dalam semangat perlembagaan ini. Kerajaan dengan tegas mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi di jabatan-jabatan kerajaan dan menerusi akta kerakyatan tahun 1968 juga mempersyaratkan bagi mereka yang memohon untuk mendapatkan kewarganegaraan Brunei mestilah lulus dan fasih berbahasa Melayu dan kerajaan seterusnya mengambil langkah secara berperingkat-peringkat bagi meluaskan penggunaan bahasa Melayu di kalangan masyarakat umum dan dalam hal ini Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam yang ditubuhkan 1 Januari 1965. Sebelum itu dikenal sebagai lembaga bahasa di bawah jabatan pelajaran. Akan tetapi, tahun 1965, Dewan Bahasa dan Pustaka berfungsi sebagai jabatan yang berasingan daripada kerajaan.

Rasanya tidak perlu saya uraikan secara terperinci kegiatan-kegiatan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Secara ringkas bolehlah dicatatkan, antara unsur-unsur yang dibuat termasuklah penerbitan buku-buku pendidikan dan buku sastra untuk pelajar masyarakat umum. Dalam tugasnya untuk mengembangkan bahasa dan sastra, jabatan ini juga mengadakan berbagai peraduan penulisan sastra kreatif, seperti novel, cerpen, puisi, dsb. Dan bagi faidah masyarakat umum diadakan seminar, simposium, bengkel, dan dialog-dialog bahasa dan sastra. Satu tugas yang amat mencabar saya rasa bagi Dewan Bahasa dan Pustaka adalah soal mengumpul, membentuk, dan menyelaraskan istilah dalam bahasa Melayu dan rancangan pengumpulan dan pembentukan istilah untuk jabatan-jabatan kerajaan dan sektor-sektor swasta, telah pun diusahakan juga. Keanggotaan Brunei dalam Mabbim, saya kira jabatan ini secara langsung telah pun terlibat dalam penubuhan beberapa jawatan istilah dalam berbagai bidang dan subbidang ilmu dan kerja-kerja pembentukan dan penyelarasan istilah

dibuat dengan negara Malaysia dan Indonesia melalui istilah-istilah Mabbim.

Di bidang perancangan bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka juga bertanggung jawab dalam melaksanakan dan menyebarkan pemakaian ejaan Rumi baru. Buku-buku pedoman ejaan dan pedoman umum bagi pembentukan istilah telah pun disediakan dengan jayanya oleh jabatan ini dan di samping itu juga diadakan seksi taklimat, bimbingan, dan kursus mengenainya. Jadi, langkah-langkah ini diambil semata-mata bagi membuktikan semua masyarakat pengguna terutama di kalangan sektor awam dan swasta dapat menggunakan, misalnya ejaan Rumi baru dengan betul menurut yang dilakukan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kita tidak dapat menyangkal bahawa bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dan peranan luas dalam kehidupan masyarakat Brunei terutama dalam pentadbiran negara, pendidikan, perhubungan, dan tidak terkecuali dalam kegiatan-kegiatan ekonominya. Negara Brunei banyak bergantung pada kegiatan-kegiatan industri minyak dan gas yang memerlukan kemahiran dan kepakaran dalam bidang-bidang kejuruteraan dan teknologi tinggi. Bagi memastikan bahawa kesejahteraan yang dinikmati selama ini dapat dipertahankan pada masa yang akan datang. Maka langkah-langkah awal sedang dijalankan oleh pihak kerajaan bagi mempelbagaikan kegiatan ekonomi itu supaya tidak semata-mata bergantung kepada industri minyak dan gas. Baru-baru ini beberapa tahun yang lalu ditubuhkan Kementerian Perindustrian dan sumber-sumber utama yang dihasratkan untuk menyediakan dasar dan perancangan ke arah mempelbagaikan ekonomi negara dengan membantu dan menggalakkan pertumbuhan berbagai kegiatan industri yang bersesuaian. Dan faktor utama bagi mempesatkan kegiatan industri tersebut kemahiran dan kepakaran bukan saja di bidang pengurusan, malah lebih penting bagi pemikiran saya di bidang ilmu dan teknologi.

Jadi, dalam menuju ke arah wujudnya masyarakat industri itu, maka bahasa Melayu sebagai alat komunikasi tentunya tidak mampu lagi menyisihkan diri daripada arus perkembangan ilmu dan teknologi. Saya kira bahasa Melayu perlu dibina supaya mampu mengungkapkan segala konsep ilmu dengan lengkap, ringkas, dan tepat. Dalam hal ini istilah

merupakan satu keperluan asas yang mendesak bagi mempermudah komunikasi teknik itu. Istilah-istilah diperlukan dalam proses pemindahan ilmu dan teknologi yang hampir keseluruhannya didapati daripada bahasa asing. Jadi, dalam konteks pemakaian bahasa Melayu dalam perkembangan ilmu dan teknologi di negara Brunei seperti mana saya sentuh tadi kita masih mempunyai cabaran-caran yang besar yang perlu diberikan perhatian yang serius. Memang diakui barangkali bahasa Melayu di Brunei sudah dapat digunakan dalam menyampaikan taklimat dan ilmu secara umum kepada masyarakat. Jadi, ini termasuklah bidang-bidang persuratan, pentadbiran, ekonomi, masyarakat, dan perhubungan dan sebagainya yang mana bahasa Melayu itu dapat digunakan tanpa masalah yang merunsingkan. Walau bagaimanapun, proses pemasyarakatan bahasa Melayu itu di bidang sains dan teknologi masih kita rasakan begitu belum meluas dan intensif.

Walaupun Dewan Bahasa dan Pustaka dalam peranannya tadi telah berjaya membentuk dan menyelaraskan beribu-ribu istilah dalam berbagai ilmu dan sekaligus beberapa pedoman umum bagi pembentukan dan penggunaan istilah tersebut, ternyata tugas ini saya rasa hanya merupakan satu usaha pada peringkat pertama. Peringkat seterusnya yang akan lebih sukar lagi adalah memastikan bahawa apa yang dihasilkan itu dapat diterima dan digunakan oleh masyarakat pengguna di negara Brunei.

Jadi, saya rasa dalam hal ini barangkali sistem pendidikan yang masih "cembrang" kepada penggunaan bahasa Inggris dalam pembelajaran mata-mata pelajaran sains dan teknik itu barangkali tidak dapat menolong untuk memantapkan penggunaan istilah tersebut kerana istilah itu belum dapat digunakan disalurkan kepada sekolah-sekolah pada masa ini.

Kekurangan istilah sering dijadikan alasan ketidakmampuan bahasa Melayu untuk dijadikan bahasa pengantar di bidang perkenaan. Namun, betapa pun perlu dan pentingnya istilah tidak juga dinafikan bahawa kelancaran dan keberkesanan bahasa Melayu itu tidak bergantung kepada peristilahan semata-mata, tetapi banyak bergantung kepada keupayaan pengguna. Jadi, saya kira tidaklah wajar untuk menjadikan kekurangan istilah itu sebagai alasan kurangnya penulisan bahan-bahan rujukan dalam bahasa Melayu atau tidak dapat menyampaikan kuliah atau taklimat

dalam bahasa Melayu dengan baik kerana alasan demikian hanya akan mendedahkan kelemahan pengguna itu sendiri yang mana dia tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baiknya. Jadi, saya rasa justru itu setiap anggota masyarakat sama ada pemimpin, golongan cendekiawan, kaki tangan kerajaan, dan pihak swasta, pelajar, petani, dan sebagainya yang menjadi pengguna dan penutur bahasa itu bertanggung jawab membela dan mengembangkan bahasa Melayu dengan memanfaatkan istilah-istilah yang dibentuk melalui penggunaannya dalam berbagai media.

Jadi, kesimpulannya memang kita akui bahawa kita mempunyai masih banyak cabaran dan masalah dalam melaksanakan penggunaan bahasa Melayu menjelang masyarakat industri. Dan tugas itu memang rumit, lebih-lebih lagi bahasa Melayu harus mengejar kemajuan perkembangan ilmu pengetahuan yang begitu pantas. Saya rasa tugas ini tidaklah wajar diserahkan bulat-bulat kepada Dewan Bahasa dan Pustaka memikungnya, malah ia memerlukan satu kerjasama yang erat dari semua pihak, lebih-lebih lagi pengguna bahasa itu sendiri yang terdiri dari para ilmuwan, ahli-ahli sains, golongan profesional, para pendidik, dan masyarakat umum.

Jadi, kesimpulannya memang kita masih mempunyai cabaran perlu dilihat secara serius entah penggunaan bahasa dan sistem pendidikan merupakan sistem yang perlu kita lihat kerana dari sistem pendidikan itulah boleh meluasnya penggunaan bahasa itu kepada masyarakat umum.

RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH

1. Sidang : IV
2. Hari/tanggal : Senin, 8 Februari 1993
3. Pukul : 15.30--16.30
4. Penyaji Makalah : Awang Mohd. Zaini Haji Omar
5. Topik Makalah : "Peningkatan Kuantitas dan Kualitas Pemakai Bahasa Melayu Brunei Darussalam Menjelang Masyarakat Industri"
6. Pemandu : A. Latief, M.A.
7. Pencatat : 1. Dra. Hari Sulastri
2. Drs. Teguh Dewabrata

TANYA JAWAB

1. a. **Penanya:** Prof. Dr. Soenjono Dardjowidjojo, Indonesia
 - 1) Apabila kita ingin memiliki bahasa nasional, apakah saingan yang ada antara bahasa setempat dengan bahasa Inggris itu tidak menimbulkan masalah di masa depan?
 - 2) Selama kita masih mencintai bahasa asing itu, saya masih ragu apakah kita masih bisa mencintai bahasa kita sama dengan kita mencintai bahasa asing?
 - 3) Apakah di Brunei Darussalam sudah dipikirkan, misalnya, sejauh mana bahasa Inggris ini akan tetap dipertahankan sebagai bahasa pendamping?
 - 4) Seberapa jauh pemerintah Brunei Darussalam memikirkan sampai di mana kebesertaan bahasa Inggris itu akan mengikuti perkembangan bahasa nasional?
- b. **Jawaban**
 - 1) Pemerintah Brunei Darussalam sudah sadar mendudukan bahasa Melayu sebagai bahasa nasional. Masalahnya Brunei

menghadapi kekurangan pakar bahasa dan pakar ilmu. Pegawai kerajaan kebanyakan mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Inggris. Kedaulatan bahasa Melayu diakui. Namun, dari segi praktis untuk saat ini penggunaan bahasa Inggris dianggap penting, lebih-lebih dalam bidang ilmu pengetahuan dan teknologi.

- 2) Penggunaan bahasa Inggris dalam iptek tidak dapat dikesampingkan. Penggunaan bahasa Melayu dalam bidang teknologi diharapkan pada masalah kepakaran.
- 3) Brunei Darussalam memerlukan waktu yang lama untuk mengatasi pemakaian bahasa Melayu pada bidang-bidang sains dan teknologi. Untuk bidang di luar teknik, langkah yang diambil sudah memuaskan.
- 4) Bahasa Inggris digunakan sebagai bahasa perniagaan. Akan tetapi, mengingat tenaga kerja Melayu Brunei makin bertambah, dapat dikatakan bahasa Melayu sudah dapat digunakan untuk berkomunikasi di bidang perniagaan itu. Saat ini dokumen-dokumen perniagaan telah menggunakan bahasa Melayu untuk menggantikan bahasa Inggris. Penggunaan bahasa Melayu secara meluas perlu disadari oleh semua pemakai. Ini merupakan tugas bagi Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi, secara umum di Brunei bahasa Melayu diakui sebagai bahasa resmi dan bahasa Inggris masih digunakan pada bidang tertentu dan kita tidak akan memandang lebih tinggi bahasa Inggris itu. Istilah-istilah yang sekarang dikumpulkan perlu disebarluaskan lewat jalur pendidikan.

2. a. **Penanya:** Dr. Asim Gunarwan, Universitas Indonesia

Mengenai pendidikan bahasa Inggris di Brunei Darussalam, sudahkah dibuat evaluasi tentang baik buruknya sistem pendidikan dwibahasa. Artinya, dengan diajarkannya bahasa Inggris pada usia dini, apakah ini tidak mengurangi kualitas bahasa Melayu anak-anak Brunei Darussalam? Adakah hasil evaluasi itu?

b. **Jawaban**

Saya belum mengetahui bahan tertulis mengenai evaluasi yang Bapak tanyakan itu. Walaupun bahasa Inggris digunakan pada mata pelajaran teknik, tetapi anak didik dituntut untuk lulus pelajaran bahasa Melayu pada tingkat dasar, sebelum mereka melanjutkan ke tingkat selanjutnya. Dengan demikian, mereka mengharuskan pelajar menguasai bahasa Melayu.

c. **Tambahan:** Pg. Haji Badaruddin, Brunei Darussalam

Pemikiran sistem dwibahasa yang diterapkan di Brunei Darussalam dibuat agar rakyat Brunei Darussalam memperoleh pengetahuan secepat mungkin dalam berbagai bidang, yang saat ini hanya dapat dicapai dengan mengirimkan para pelajar untuk belajar di luar negeri. Setakat ini tidak ada orang Brunei, walau pun berpendidikan Inggris, yang menjadi orang Melayu Brunei yang keinggris-inggrisan, karena semangat cinta Brunei sudah ditanamkan semenjak masa anak-anak. Para pakar istilah di Brunei semuanya berpendidikan Inggris, dan mereka merupakan salah satu contoh yang baik dari sistem pendidikan dwibahasa.

3. a. **Penanya:** Drs. Jan Hoesada (tanggapan dan pertanyaan), Indonesia

- 1) Apabila di sekolah pengajaran bahasa merupakan bagian dari azab dengan berbagai siksaan, maka *possessioning* di otak manusia itu merupakan sesuatu yang secepat mungkin ditinggalkan sesudah kita lulus. Jadi, masalahnya adalah masalah psikologis alam sadar kita.
- 2) Rasio penggunaan bahasa secara resmi dan tidak resmi (sehari-hari), barangkali rasio perbandingannya tidak sampai 1:10 sehingga polusi yang 90% pada tampilan 10% itu amat berpengaruh. Pada komposisi yang 90% adalah suatu hubungan yang sangat kasual, tidak terorganisasi kemudian tidak ada

dokumennya bila kita melakukan kesalahan. Pada forum resmi hukumannya minimum rasa malu, apabila kita salah ucap atau salah kata, tetapi pada situasi yang tidak resmi tidak ada hukumannya. Kebiasaan itu akan dibawa pada yang 10%. Masalahnya adalah bagaimana yang 90% itu sehingga tampak di permukaan ke yang 10%?

- 3) Apabila konsep yang kita kembangkan itu adalah konsep *zero some game*, maka itu adalah tidak benar. Artinya, apabila kita menghabiskan sebagian waktu kita untuk lebih mampu berbahasa Inggris atau bahasa asing lain, maka kita menjadi lebih tidak mampu dalam berbahasa Melayu. Menurut saya, hukumnya adalah *non-zero some*, artinya seharusnya kemampuan menguasai satu bahasa akan mempertajam indera keenam kita dalam menangkap nuansa-nuansa makna bahasa lain. Apabila kita mampu berbahasa Inggris, maka kemampuan kita berbahasa Melayu seharusnya semakin baik karena nuansa makna yang tidak tampak pada bahasa Melayu mungkin tampak pada bahasa-bahasa lain, dan sebaliknya. Kemampuan berbahasa dengan paksa juga akan mempengaruhi hasil yang dicapai karena unsur paksaan tidak memperikutkan rasa cinta.
- 4) Kamus istilah pemasaran '*marketing*' masih belum ada. Setakat ini yang kita bicarakan berkisar pada *product oriented* sambil menduga-duga bagaimana cara menjual produk itu, bagaimana kedudukan produk itu di dalam otak manusia sebagai bagian dari kehidupan dan kepribadian, dan kita gagal menemukan formulasinya karena kita bukan orang-orang *marketing*. Jadi sambil menyelam minum air, artinya sambil menciptakan istilah, kita juga memikirkan bagaimana memasarkan produk kita ini ke pasar.

4. a. **Penanya:** Prof. Dr. Suhardjo, M.S., UNS Surakarta

Masalah yang disampaikan pada pertemuan kali ini adalah bagaimana upaya meningkatkan kuantitas dan kualitas pemakai

bahasa menghadapi era industri. Namun, apakah peningkatan kuantitas dan kualitas pemakai bahasa itu dapat mengakomodasi adanya masyarakat industri itu.

Apakah sudah diadakan penelitian bahwa masyarakat industri itu harus dihadapi dengan peningkatan kuantitas dan kualitas pemakai bahasa dan apabila sudah ada, berapa besarnya sumbangan maupun kontribusinya. Lalu, kalau dibandingkan dengan ilmu-ilmu dasar kiranya lebih besar mana sumbangan yang diberikan untuk mengakomodasi masyarakat industri?

b. Jawaban

Sasaran terdekat bagi Brunei adalah menguasai sains dan teknologi sebanyak mungkin dalam menghadapi masyarakat industri di masa datang. Hal itu dapat diraih dengan menguasai bahasa asing (Inggris). Sebagai sebuah negara Melayu, pada hemat saya penggunaan bahasa Melayu tetap penting untuk mendukung aspirasi dan cita-cita kebangsaan (Brunei). Dalam waktu yang sama di satu pihak, Brunei menekankan pembangunan negara, sedangkan di bagian lain juga memikirkan peranan bahasa itu sendiri. Setelah merebut ilmu dan menguasai konsep-konsep ilmu itu, barulah bagaimana caranya menyampaikan ilmu itu melalui bahasa.

V

PERKEMBANGAN SASTRA MELAYU MODEN BRUNEI DARUSSALAM DAN MASALAH YANG DIHADAPI*

Awang Haji Abdul Hakim Haji Mohd. Yassin
Brunei Darussalam

Pada umumnya penelaah sastra di Brunei Darussalam bersetuju bahwa batas antara tradisi dan moden wujud dengan lahirnya syair Rakis (\pm tahun 1845 M). Syair ini dihasilkan oleh Pg. Syahbandar Mohd. Solleh binti Pg. Salmiudah. Syair ini berbentuk puisi lama, tapi apa yang baru di sini pembaruan yang dilakukan oleh Pg. Syahbandar adalah dari segi isinya. Setelah syair ini, sebagaimana yang berlaku di Tanah Melayu berlaku kekosongan (vakum) dan kelahiran syair ini hampir sama dengan kelahiran hasil-hasil yang dibuat oleh Abdullah bin Abdullah Munsyi (umpamanya Hikayat Abdullah).

Kekosongan kira-kira 100 tahun itu sampai sekarang ini belum diketahui sebab-sebabnya kerana belum ada yang membuat penelitian. Pada tahun 1930-an apabila Brunei Darussalam menghantar penuntut-penuntut ke maktab Perguruan Sultan Idris di Perak, maka sebagaimana juga berlaku di Tanah Melayu menghasilkan penulis-penulis hasil daripada bimbingan beberapa orang pensyarah termasuk Harimau Rasyid, maka Brunei Darussalam telah melahirkan beberapa orang penulis yang, antara lain, menggunakan nama samaran Yurah Hakim (dipanggil Pg. Setyanegara) dan Husein Saleh.

Seterusnya setelah itu, lahirlah lagi beberapa orang penulis terutama sekali sajak dan cerpen. Secara ringkas pada tahun 40-an, yaitu pada zaman penjajahan Jepun, berlaku lagi semacam vakum, walaupun ada penulis-penulis pada masa itu hasil mereka itu tidak diketemukan. Begitu

* Transkripsi Rekaman.

juga apa yang saya katakan tadi hasil-hasil karya yang ditulis oleh Halim yang ditulis tahun 30-an ini banyak yang sudah hilang kecuali kalau ada penelitian melalui masalah-masalah yang dihasilkan di tanah Melayu pada masa itu dibuat.

Seterusnya pada tahun 1950-an, apabila di Singapura ditubuhkan Angkatan Sastrawan 50, maka lahirlah beberapa orang penyair pengaruh Asas 50 ini antaranya Yahya Humas dan Badarudin Baco. Pengaruh Asas 50 begitu kuat sekali kerana kita ketahui angkatan ini bukan saja membuka keahliannya kepada orang-orang di tanah Melayu, tetapi juga di luar tanah Melayu, di luar Singapura termasuk Sabah, Serawak, dan Brunei pengaruh daripada Asas 50 ini juga. Maka setelah agak ramai penulis-penulis Brunei, maka pada tahun 1961 beberapa orang penulis Brunei telah menubuhkan sebuah persatuan yang diberi nama "Astrawan". Astrawan ini begitu juga Asas 50 masih hidup sampai hari ini.

Setelah tahun 60-an (kira-kira masuk tahun 70-an, 80-an) dengan bimbingan astrawan ini dan seterusnya sebuah institusi kerajaan, yaitu Dewan Bahasa dan Pustaka maka kegiatan kesastraan di Brunei Darussalam semakin diperhebatkan. Sebagaimana yang kita ketahui Dewan Bahasa dan Pustaka adalah sebuah badan penerbit, khususnya penerbit yang menerbitkan karya-karya kreatif seperti novel, cerpen, antologi cerpen, antologi sajak, antologi drama, dan antologi esai/kritik. Dewan Bahasa dan Pustaka juga menerbitkan tiga buah majalah, yaitu *Bahana*, *Mekar* (untuk anak-anak 6--12 tahun, yang memuatkan karya sastra cerpen dan puisi), dan *Beriga* (majalah untuk masyarakat umum). Selain menerbitkan buku dan majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka menjalankan kegiatan kesastraan umpamanya mengadakan perjumpaan penulis dan peminat sastra. Sebagai contoh Pertemuan Sastra Nusantara Ke-8 tahun 1994.

Selain daripada pertemuan Sastrawan Nusantara, juga mengadakan kerja sama dengan Persatuan Penulis, misal, dialog Borneo Kalimantan Brunei. Selain daripada itu, seperti biasa kita juga mengadakan seminar, ceramah, bengkel, dan sebagainya. Dan kegiatan besar yang biasa diselenggarakan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan biaya yang relatif besar ialah peraduan menulis novel, cerpen, sajak, dan drama. Pada masa ini kita sedang menyelenggarakan peraduan menulis novel yang ke-5

dalam rangka Sempena Jubli Perak Duli memegang tahta. Hadiah seperti biasa yang pertama mendapat 12.000, kedua 8.000 ringgit Brunei.

Jadi, dengan kegiatan kesastraan dianggarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan bersama Persatuan Penulis Brunei, maka perkembangan sastra di Brunei dari hari ke hari dan dari masa ke semasa dapat dipertingkatkan. Kita tidak lupa juga peranan yang dimainkan Kementerian Hal-Ehwal Agama dalam mempertimbangkan sastra di Brunei. Kementerian Hal-Ehwal Agama melalui Jabatan Pusat Dakwah Islamiah juga telah menerbitkan beberapa buah antologi khususnya antologi puisi, bukan saja daripada hasil peraduan, tetapi juga kumpulan daripada penulis-penulis, khususnya penulis yang bertugas di Kementerian Hal-Ehwal Agama.

Di pihak swasta kita dapati pada masa sejarah ini ada beberapa buah syarikat yang telah bekerja sama dengan umpamanya Dewan Bahasa dan Pustaka dan dengan perastuan-persatuan penulis Brunei dan sastrawan untuk menganjurkan peraduan menulis dengan biaya syarikat, umpama ... *holding* telah mengadakan peraduan menulis. Menulis cerpen dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggris dan pernah membiayai ongkos untuk peraduan menulis cerpen. Dan selain daripada itu, Institusi Pendidikan Brunei, satu-satunya, yaitu Universiti Brunei Darussalam. Melalui Jabatan Kesusastraan Melayu dapatlah beberapa orang pelajar kita mempelajari sastra lebih jauh lagi, tapi sayangnya dan ini adalah merupakan salah satu masalah yang kita hadapi pada masa ini, yaitu Jabatan Kesusastraan Melayu ini cuma merupakan jabatan yang memberi perhidmatan kepada Fakulti Pendidikan. Jadi, ia tidak dapat berkembang dengan luas seperti Jabatan Pengajian Melayu di UKM.

Hal lain yang dapat memberi sumbangan untuk perkembangan sastra di Brunei ialah beberapa anugerah. Umpama anugerah yang diberikan kerajaan Thailand, yaitu *SEA Write Award*, seperti Sapardi Djoko Damono dari Indonesia. Jadi, mulai daripada tahun 1986--1987 Brunei telah dipercayai untuk memilih calon untuk menerima anugerah *SEA Write Award* ini. Jadi, hal ini juga telah memberi perangsang besar kepada penulis-penulis di Brunei.

Penulis Brunei tidaklah begitu ramai, kalau dilihat dari kadar dan bobotnya, maka kita cukup berbangga mengenai keramaian penulis-

penulis kita kalau dibandingkan dengan keramaian penduduk. Dan di pihak kerajaan sejauh ini belum lagi memberikan anugerah sastra dan hadiah sastra sebagaimana yang selama ini dilakukan Kerajaan Malaysia, seperti anugerah sastra, Sastrawan Negara, dan sebagainya, tetapi pemikiran untuk itu memang sudah ada. Cuma kita menunggu masa lagi untuk mengendalikannya. Dengan demikian untuk, antara lain ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah berusaha untuk memberi penghormatan kepada penulis-penulis khususnya yang sudah mapan. Dengan demikian, apa yang kita panggil sebagai tetamu Dewan Bahasa dan Pustaka setakat ini beberapa orang tetamu telah kita pilih dan ini adalah salah satu penghormatan yang dapat diberikan oleh Kerajaan Brunei melalui Dewan Bahasa dan Pustaka setakat ini, Insya Allah pada masa yang akan datang mungkin kita akan dapat pula memberikan hadiah sastra sebagai galakkan kepada penulis-penulis. Demikian secara ringkas perkembangan sastra di Brunei.

Seterusnya, kita melihat berdasarkan kepada zone dan saya akan bicarakan juga hal ini secara ringkas. Umpamanya kelahiran novel di Brunei. Novel pertama lahir, kalau di Indonesia Merari Siregar dengan *Azab dan Sengsara* tahun 20-an, di Malaysia pada tahun 20-an, maka di Brunei kita ketinggalan kira-kira tiga dekad. Pada tahun 1951 kita barulah lahir novel kita yang pertama, yang dihasilkan oleh M. Halim yang diberi nama *Bendahara Menjadi Raja* atau *Mahkota yang Berdarah*. Dan selepas itu sebenarnya berlaku vakum juga sehinggalah awal tahun 80-an, lahir novel yang ketiga, yang kedua dalam tahun 50-an juga, yaitu *Pemimpin-Pemimpin Bangsa* tajuknya hasil karya ... Saleh. Selepas itu, berlaku vakum sampai tahun 80-an lahirlah novel yang ketiga. Sehinggalah pada masa ini Brunei telah dapat menghasilkan kira-kira 20 novel. Kenapa selepas tahun 80-an lahir lebih banyak novel ini. Hal ini ialah usaha yang dilakukan Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Peraduan Menulis Novel. Hasil daripada peraduan itu kita telah dapat menerbitkan novel-novel yang telah memenangi peraduan-peraduan tersebut.

Di antara novel-novel yang mengikut penelitian beberapa orang penelaahan sastra yang berhasil ialah novel-novel yang dihasilkan Muslim Burmat, Awang Hj. Ibrahim, dan saya kira pada masa yang akan datang tidak lama lagi akan lahir sebuah novel yang berjudul *E4* yang mungkin

akan mendapat *review* yang baik daripada *Punca Pertama* (umpamanya) pemenang hadiah kedua. Pemenang pertama yang dihasilkan oleh penulis wanita, tetapi dan ia yang berlaku di peraduan, tidak semestinya keputusan hakim itu sama dengan keputusan penelaah atau peminat sastra. Dan setelah novel itu diterbitkan berdasarkan penelitian yang dilaksanakan oleh penelaah dan peneliti sastra, maka didapati *Punca Pertama* itu lebih berjaya daripada novel *Pengabdian*.

Seterusnya dalam peraduan yang baru-baru ini kita adakan novel yang bertajuk *Mangsa* yang membawa teknik baru penulisan novel di Brunei (di Brunei secara relatif). Teknik itu merupakan teknik lama di Indonesia, apalagi di Eropa. Pada tahun ini juga novel yang membawa pembaruan, novel *E4* yang akan diterbitkan dalam teknik penulisan akan membawa *review* yang baik.

Cerpen dan sajak sebagai karya sastra yang secara relatif mudah dihasilkan, lebih populer, sudah dihasilkan penulis-penulis Brunei sejak tahun 50-an hasil daripada pengaruh yang diperoleh mereka di Maktab Perguruan Sultan Idris.

Dalam bidang drama penulis-penulis awal terdiri dari penulis-penulis yang mendapat didikan agama dan juga daripada didikan sekolah Melayu dan dalam bidang drama ini di peringkat awal kita tidak dapat menerbitkan buku-buku sehinggalah pada tahun 80-an ini barulah beberapa buah buku dapat diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Itu buku-buku karya drama.

Dalam bidang kritikan dan esai setakat ini Dewan Bahasa dan Pustaka belum lagi menghasilkan, tetapi dalam proses penerbitan sekarang ada sebuah buku hasil daripada tulisan penulis-penulis Brunei dan juga di luar Brunei yang dikumpulkan dan dijadikan sebuah antologi kritikan dan esai.

Apakah pula masalah-masalah yang dihadapi. Penulis-penulis Brunei dalam memperkembangkan bakat mereka dalam bidang sastra ini. **Pertama**, saya lihat dari penulis itu sendiri. Pada masa ini ada di antara penulis-penulis kita yang mendapat pendidikan di peringkat tinggi/peringkat universiti. Jadi, mereka ini mendapat didikan di Universiti Brunei Darussalam dan juga Universiti Kebangsaan Malaysia, dan sebagainya. Ia hasil daripada pendidikan itu, maka mereka mendapat teknik yang

baru, mereka mendapat pemikiran yang baru untuk menghasilkan karya yang relatif baru dari segi teknik dan juga dari segi isi. Jadi, penulis-penulis yang berpendidikan ini kita harapkan akan menghasilkan karya-karya yang bukan berubah dari segi teknik, tetapi juga berubah dari segi tema. Persoalan yang dibawakan lebih berat dan lebih sesuai untuk perangkat pembaca atau *audience* yang lebih tinggi. Untuk penulis-penulis yang masih mendapat didikan relatif rendah, maka kita hanya mengharapkan hasil-hasil yang juga relatif rendah nilainya, walaupun ini tidak semestinya.

Jadi, apa yang kita harapkan ialah supaya lebih ramai lagi penulis-penulis terutama sekali penulis-penulis muda untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi setakat peringkat lanjutan. Jadi, dalam dunia yang begitu pesat dari segi pendidikan dan juga sistem maklumat, maka kita memerlukan orang-orang yang lebih berpengetahuan.

Perkara lain, kalau kita lihat dari segi penerbit dan penerbitan sebagaimana yang saya katakan tadi satu-satunya penerbit yang ada di Brunei untuk karya sastra pada masa ini adalah Dewan Bahasa dan Pustaka. Walaupun Kementerian Hal-Ehwal Agama juga menerbitkan buku sastra, tapi cuma hanya sekali-kali saja dan akhir-akhir ini juga usaha daripada penulis-penulis Astrawan menghasilkan beberapa buah antologi cerpen dan sajak. Jadi, kita harapkan lebih ramai, lebih banyak lagi penerbit yang bersedia untuk menerbitkan karya-karya sastra yang dihasilkan penulis-penulis Brunei.

Berhubungan dengan penerbitan ini juga adalah masalah media massa. Pada masa ini dari segi majalah kita ada *Bahana* sebagai wahananya. Kalau bentuk akbar *Pelita Brunei* yang diterbitkan seminggu sekali dan *Brunei Belitung* yang diterbitkan setiap hari, yaitu berita harian.

Jadi, bagaimanapun media massa ini dapat juga menampung karya-karya yang dihasilkan oleh penulis-penulis Brunei dalam menampung cerpen dan sajak-sajak mereka. Selain daripada itu, di pihak swasta *shell* melalui terbitan mereka yang diberi nama *Salam* juga menampung karya cerpen dan sajak.

Dari segi pemasaran dan ini merupakan masalah yang besar di Brunei kerana berhubungan dengan *audience* atau peminat sastra. Kalau Dewan Bahasa dan Pustaka biasanya untuk penulis yang sudah mapan atau

established. Kalau novel atau antologi cerpen atau sajak mereka, diterbitkan 2000 naskah. Kalau yang baru atau yang belum mapan hanya 1000 naskah. Cetakan pertama untuk menghabiskan atau menjual 1000-2000 naskah, lebih banyak percuma. Itu cara penyebaran Dewan Bahasa dan Pustaka. Cara penyebaran yang paling efektif dengan memberikannya sebagai hadiah. Dan yang penting bukan dari segi pembayarannya, tetapi dari segi penyebarannya, khususnya bagi penulis-penulis di luar Brunei.

Soal pemasaran hubungan lebih erat dengan peminat di Brunei yang membeli buku-buku itu saya kira lebih ramai di kalangan peminat sastra yang berpendidikan guru sekolah, tidak banyak daripada kalangan pegawai tinggi. Kalau di instansi tinggi yang menjadi pembeli kita ialah pelajar universiti kalau buku itu menjadi buku teks. Kalau menjadi buku teks sekolah peringkat biasa dijadikan buku teks, maka buku-buku teks seperti novel dan kumpulan cerpen mungkin dapat dipilih daripada penulis-penulis Brunei sendiri dan sejauh ini di peringkat lanjutan (SMA) kita menggunakan novel sebuah dari Indonesia dan sebuah dari Malaysia. Sekurang-kurangnya pelajar bahasa Melayu, sedikit-dikitnya mengenal siapa Chairil Anwar dan siapa Achdiat Kartamihardja. Sekarang kita menggunakan novel *Keluarga Gerilya* oleh Pramudya Anantatur untuk peringkat lanjutan.

Jadi, masalah inilah, kalau hal ini dapat kita atasi sedikit demi sedikit, *audience* ini akan jauh bertambah dan saya kira ini berhubungan dengan sistem pendidikan. Soal apresiasi sastra kurang ditekankan dalam kurikulum sekolah menengah, begitu juga dalam kurikulum sekolah rendah dan juga dalam soal pemeriksaan. Seorang-seorang pemeriksaan tidak begitu menekankan soal keindahan atau apresiasi sastra itu sendiri, yang ditekankan adalah pengetahuan ataupun apa yang kita ketahui, melalui sebuah karya tersebut bukan soal-soal keindahan yang ditanya, tetapi soal siapa, mengapa. Di mana hal ini berlaku bukan pemikiran berapresiasi.

Jadi, soal kurikulum ini juga perlu diambil perhatian berat oleh pihak tertentu. Jadi, dalam apresiasi sastra sudah ditangani di peringkat rendah sampai kepada sekolah menengah, maka tentu sekali minat kepada sastra itu akan bertambah, tetapi sudah harus berlaku. Pada masa ini, maka hal itu tidak mungkin berlaku sehingga 10 tahun yang akan datang.

RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH

1. Sidang : V
2. Hari/tanggal : Selasa, 9 Februari 1993
3. Pukul : 08.00--09.00
4. Penyaji Makalah : Awang Haji Abdul Hakim Haji Mohd. Yassin
5. Topik Makalah : "Perkembangan Sastra Melayu Modern Brunei Darussalam dan Masalah yang Dihadapi"
6. Pemandu : Dr. Nafron Hasjim
7. Pencatat : 1. Dra. Hartini Supadi
2. Drs. Teguh Dewabrata

TANYA JAWAB

1. a. **Penanya:** Dr. Sapardi Djoko Damono, Universitas Indonesia
 - 1) Pemakalah belum/tidak menyebutkan penerbit swasta. Oleh karena itu, apakah Dewan Bahasa Brunei Darussalam mengelola seluruhnya masalah kesastraan di Brunei Darussalam?
 - 2) Apakah ada penyuntingan terhadap bahasa atau isi karya sastra di Brunei Darussalam? Kalau ada penyuntingan di dalam karya sastra, maka hal-hal yang tersurat yang sangat halus pun dapat berubah atau terhapus melalui penyuntingan itu, sehingga fungsi sastra modern menjadi tidak sama dengan tradisi sastra modern di Barat dan di Timur.
- b. **Jawaban**
 - 1) Seluruh terbitan sastra Brunei Darussalam dikelola oleh pemerintah, dalam hal ini Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam. Perseorangan yang ingin menerbitkan hasil karyanya harus menyerahkan naskah mereka kepada Dewan Bahasa. Setelah dinilai dan disetujui baru diterbitkan. Pihak

swasta hanya menerbitkan Akbar Borneo Buletin dan pihak kerajaan menerbitkan Akbar Berita Brunei.

- 2) Penulis Brunei Darussalam tidak mau atau tidak berani menyentuh hal yang berkaitan dengan masalah kerajaan. Hal ini memudahkan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam. Itulah yang menyebabkan karya sastra di Brunei Darussalam mudah diterbitkan. Teks (manuskrip) yang diserahkan oleh penulis, jika ditinjau dari segi isi, tidak disunting oleh Dewan Bahasa, walaupun isinya ada yang mengkritik kerajaan. Di samping itu, diterbitkan pula naskah/ teks hasil perlombaan (peraduan).

2. a. **Penyaran:** Drs. Lukman Ali, Universitas Indonesia

Di dalam Mabbim kali ini hendaknya mulai dipikirkan untuk meluaskan kegiatannya di bidang kesastraan, di samping bidang peristilahan yang sudah berjalan selama ini. Bidang kesastraan itu mencakupi, misalnya kerja sama pengelolaan jurnal sastra, kerja sama antarbengkel teater, pertemuan sastrawan nusantara, dan upaya penyelamatan aksara Jawi (Arab-Melayu) dari kehidupan masyarakat Melayu.

- b. **Jawaban**

Saran tersebut akan diserahkan kepada Kelompok Umum/ Kelompok Eksekutif Sidang Ke-32 Mabbim untuk dipertimbangkan.

3. a. **Penanya:** Prof. Dr. Amran Halim, Universitas Sriwijaya

- 1) Sampai ke mana sastra Melayu tradisional, yaitu sastra Melayu oral seperti syair dan pantun, menjadi bagian kehidupan sehari-hari masyarakat Brunei Darussalam dewasa ini.
- 2) Usaha apa yang dilakukan untuk memantapkan kehadiran sastra tradisional itu di kalangan generasi muda Brunei Darussalam, seperti halnya yang telah dilakukan oleh Indonesia, khususnya di Palembang, yang setiap sebulan sekali

menyelenggarakan acara 'Gayung Bersambut' di televisi Stasiun Palembang.

b. **Jawaban**

Puisi lama masih digalakkan, misalnya dalam acara 'berbalas pantun' yang merupakan bagian acara rutin di radio dan televisi. Juga ada perlombaan/peraduan membaca syair, yang melibatkan siswa/pelajar di Brunei Darussalam.

VI

BAHASA DAN PEMASYARAKATAN ILMU DAN TEKNOLOGI DALAM BUDAYA MASA KINI (PENYEBARAN TEMUAN DAN REKACIPTA)

Riga Adiwoso Suprpto, Ph.D.
Universitas Indonesia

Pengantar

Permasalahan bahasa dalam penyebarluasan temuan dan rekacipta sebenarnya merupakan suatu topik yang sangat luas dalam artian berbagai pendekatan dan interpretasi dapat dilakukan. Pendekatan tersebut, antara lain, menyangkut masalah: (1) pengembangan kosakata dan peristilahan teknologi dan ilmu pengetahuan, (2) usaha untuk melakukan standardisasi sehingga terjadi pemahaman konsep yang sama, (3) melihat fungsi sosial bahasa dalam penyebarluasan ilmu dan teknologi. Umumnya, masalah pertama dikenal sebagai permasalahan ilmu bahasa (*linguistics proper*) sedangkan permasalahan kedua dan ketiga seringkali dianggap sebagai permasalahan bidang sosiolinguistik dan sosiologi mikro.

Fokus perhatian makalah ini adalah pada permasalahan fungsi sosial bahasa dalam penyebarluasan rekacipta, dan standardisasi sebagai salah satu aspek perencanaan bahasa. Hal ini disebabkan karena keterbatasan pengetahuan mengenai pengembangan kosakata dan peristilahan. Pendekatan yang diambil di sini ialah dengan terlebih dahulu membahas pemahaman mengenai rekacipta itu sendiri serta kaitannya dengan bentuk dan penggunaan bahasa.

Selanjutnya, pembahasan diarahkan pada proses penyebaran rekacipta dan peranan bahasa sebagai medium komunikasi. Bahasan dilanjutnya dengan permasalahan yang dihadapi dalam usaha standardisasi atau pengembangan bahasa.

Reka cipta dan Teknologi dalam Konteks Masyarakat

Perhatian yang besar terhadap permasalahan reka cipta¹ nampaknya gencar bersamaan dengan timbulnya permasalahan ketidakpuasan terhadap paradigma pembangunan yang selama ini dilakukan di berbagai negara berkembang. Selain itu, ditunjang pula oleh perubahan global ketika Jepang mulai menampakkan diri sebagai bangsa yang lebih unggul dalam merebut pasaran dunia dari Amerika Serikat baik dalam proses dan hasil produksi teknologinya maupun reka cipta dalam manajemen (Clark, 1985:57). Diakui bahwa kejajaran Amerika Serikat sebagai negara yang unggul dalam reka cipta dan cara-cara penerapan reka cipta teknologi dalam sistem produksi di masyarakat telah ditantang. Dalam usaha menjelaskan penyebabnya, berbagai teori ditawarkan. Menurut Clark dan Staunton (1989) salah satu teori beranggapan bahwa biaya militer yang tinggi disertai konglomerasi dalam teknologi militer telah melemahkan kemampuan reka cipta Amerika (Clark, 1987; Kennedy, 1987). Teori kedua berpendapat bahwa Amerika sebenarnya lebih mampu dalam aspek penyaluran dan pemasaran bukan dalam manufaktur (Sconberger, 1982; Pulos, 1983). Teori ketiga (Piore dan Sabel; 1984) lebih mendasarkan diri pada "teori gelombang".

Di pihak lain ada masalah penyebarluasan, ada dua sisi: apakah pakar bahasa ingin mengatakan suatu istilah dianggap benar tanpa melihat kondisi secara umum dan pendapat yang melawan arus, misalnya, *Kompas* memunculkan istilah baru atau kita perlu melihat dulu pola-pola umum yang terdapat pedoman untuk menentukan mana yang benar. Di Perpustakaan, Fakultas Ekonomi UI sudah ada sistem *storage of information*.

2. a. **Penanya:** Dr. Asim Gunarwan, Universitas Indonesia

Penjelasan Anda belum sesuai dengan judul makalah Anda, yaitu yang berhubungan dengan budaya masa kini. Sehubungan

dengan itu, bagaimana budaya masa kini, sudahkah kondisi budaya kita untuk penyebaran temuan dan reka cipta, jika tidak, apa yang perlu kita lakukan, apa peranan bahasa Indonesia dalam hal ini. Apakah menurut Anda bahasa Indonesia itu sudah cukup matang sebagai pendukung penyebaran temuan dan inovasi?

b. **Jawaban**

Pendekatan yang saya gunakan lebih ke arah sosiolinguistik. Saya lebih percaya pada analisis skemata atau konteks. Bagaimana realitas itu digambarkan melalui *mental image* di pikiran kita. Saya mengarahkan makalah ini pada konsepsi dasar mengenai reka cipta. Tentang kematangan (*mature*) bahasa saya kira kita sudah ke luar dari pemikiran dalam teori pembangunan atau perencanaan. Oleh karena itu, *meta message* saya adalah tetap menolak kondisi statis di perencanaan bahasa dan lebih menganut teori modernisasi dalam pembangunan. Saya lebih mengarah pada teori *sapir-whorf*, yaitu bahasa merupakan suatu sistem yang sempurna yang memiliki kemampuan generatif. Tugas kita adalah mengembangkan kemampuan generatif dari bahasa itu sendiri daripada menunggu atau mengatakan sudah matang atau belum. Bahasa itu matang karena dia mengekspresikan apa yang menjadi pengalaman yang ingin disampaikan kepada orang lain mengenai realitas yang diciptakan oleh tiap individu. Itulah yang menyebabkan perbedaan antara pendapat kita. Jika membicarakan budaya masa kini bagi antropolog interpretasinya lain. Dalam perkembangan iptek dan reka cipta, kita tidak bisa terpisah dari kondisi yang sudah makin menjadi lebih global. Dalam diri kita masing-masing mempunyai serentetan *functional illiteracy* karena kita tidak dapat masuk ke bidang yang makin kompleks dalam kehidupan manusia. Ekspresi yang menunjukkan asal reka cipta generik itu yang kita gunakan. Istilah kedokteran *ultrasonografi*, misalnya, tidak semudah itu diubah ke dalam bahasa Indonesia. Pemakai cenderung tetap menggunakan USG. Contoh lain, dalam bidang ekonomi, istilah *coefficient* ini juga tidak mudah diubah menjadi istilah lain dalam

bahasa Indonesia karena mereka perlu mengidentifikasi konsep ini menunjuk apa.

Dalam kondisi demikian, bahasa harus makin lentur terhadap perubahan-perubahan dalam masyarakat. Secara empiris kita perlu kembali berpijak pada kondisi faktual, apa sebenarnya yang terjadi dengan adanya perubahan itu.

VII

PERUBAHAN SOSIAL-BUDAYA SEPERTI YANG TERCERMIN DALAM SASTRA

Sapardi Djoko Damono
Universitas Indonesia

Makalah ringkas ini akan membicarakan masalah perubahan sosial-budaya seperti yang tercermin dalam karya sastra kita; perspektif kritik yang dipergunakan adalah bahwa bentuk dan isi karya sastra dapat mencerminkan perkembangan sosiologis atau perubahan yang halus dalam watak budaya.¹ Dalam kaitannya dengan pandangan tersebut dan perkembangan sastra Indonesia modern, Armijn Pane adalah sastrawan yang sering dibicarakan sebagai contoh. Seorang sarjana Belanda, A. Teeuw, menyatakan bahwa Armijn adalah penghubung antara periode sebelum dan sesudah Perang Dunia II; bahasa yang dipergunakannya maupun tema yang dipilihnya menunjukkan perbedaannya dari para pengarang sezamannya seperti S. Takdir Alisjahbana, Sanusi Pane, dan Amir Hamzah.² Seorang pengamat lain, Umar Junus, menarik kesimpulan bahwa Armijn mempunyai pandangan yang berbeda dari kebanyakan pengarang sebelum perang. Ia tidak menerima atau menolak kemodernan begitu saja, tetapi mempersoalkan hakikat modern dan tradisi itu sendiri.

1 Seperti yang disimpulkan oleh, antara lain, Sheldon Norman Grebstein dalam *Perspectives in Contemporary Criticism*, New York: Harper & Row, 1968, hlm. 165.

2 A. Teeuw, *Modern Indonesian Literature*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1967, hlm. 79--84.

Dalam kaitannya dengan pembaruan itu, Armijn menyadari pentingnya teknik penulisan yang digunakannya dan juga memiliki kematangan teknik yang memungkinkannya menyiratkan dan menyuratkan pemikirannya.³

Ketika pada tahun 1940 novelnya *Belunggu* diterbitkan oleh majalah *Pujangga Baru* -- setelah ditolak Balai Pustaka, orang boleh bertanya-tanya mengenai beberapa hal yang berkaitan dengan penolakan tersebut. Apakah penerbit pemerintah kolonial itu tidak bisa menerima bahasa *Belunggu* yang memang tidak sama dengan bahasa dalam novel-novel lain yang diterbitkannya? Seandainya demikian halnya, apakah Armijn Pane sama sekali tidak mau tunduk pada aturan Balai Pustaka mengenai penyuntingan bahasa? Pertanyaan lain yang bisa timbul adalah: apakah Balai Pustaka, yang tentunya mewakili pemerintah masa itu, beranggapan bahwa *Belunggu* tidak mengandung nilai-nilai yang bisa diterima masyarakat luas? Kedua pertanyaan itu jelas sekali erat hubungannya dengan anggapan sastra sebagai alat untuk mendidik masyarakat; dan kita semua mengetahui bahwa Balai Pustaka memang didirikan untuk maksud tersebut. Dan seandainya memang demikian alasan Balai Pustaka, apakah memang *Belunggu* tidak pantas dianggap sebagai karya sastra yang bisa mendidik masyarakat?

Pertanyaan terakhir itu rasanya sulit dijawab dengan tegas sebab masalah nilai harus dipertimbangkan dengan sangat hati-hati dari berbagai segi. Sering sekali kita sampai pada kesimpulan bahwa yang ada bukanlah baik atau buruknya moral, tetapi sekedar kadar yang berbeda atau ukuran yang ditetapkan terlebih dahulu. Buru-buru harus kita sepakati terlebih dahulu apa yang dimaksud dengan nilai-nilai; dalam kaitan dengan karangan ini, nilai-nilai adalah prinsip-prinsip moral dan keyakinan yang dianggap penting dalam kehidupan oleh seseorang atau sekelompok orang, dan oleh karenanya dihayati dalam kehidupan mereka

3 Umar Junus, "Armijn Pane dan Perkembangan Sastra Indonesia," dalam *Mitos dan Komunikasi*, Jakarta: Sinar Harapan, 1981, hlm. 41--60.

sehari-hari. Balai Pustaka adalah penerbit yang bertugas menyebarluaskan nilai-nilai yang diharapkan bisa ditumbuhkan dalam masyarakat; ini berarti bahwa ia siap pula menghadapi nilai-nilai yang sebelumnya sudah menjadi bagian masyarakat. Yang menyulitkan kita menjawab pertanyaan tersebut dengan tegas adalah bahwa penerbit yang mengusahakan pembaruan nilai-nilai itu menolak *Belenggu* atas alasan nilai-nilai pula.

Ada baiknya kita menyoroti *Belenggu* lebih jauh. Novel ini mengisahkan cinta segi tiga antara Dokter Sukartono (Tono), istrinya (Tini), dan pacar gelapnya (Yah). Rumah tangga Tono rupanya tidak membahagiakan Tini sebab suaminya terlalu sibuk dengan pekerjaan; Tini sendiri adalah wanita yang sama sekali tidak mau menjadi korban kesibukan suaminya dan oleh karenanya menyibukkan diri dengan urusan organisasi. Wanita itu tidak mau memenuhi tuntutan nilai-nilai tradisional, yakni yang menggambarkan istri sebagai pelayan setia suami. Sementara itu Tono, yang tentu saja merasakan kekeringan dalam kehidupan keluarga semacam itu, mendapatkan perhatian dan kehangatan wanita dalam diri Yah, seorang wanita bebas -- kebetulan penyanyi -- yang mula-mula menjadi pasiennya tetapi yang kemudian menjadi kekasih gelapnya.

Tini rupanya tidak sungguh-sungguh berusaha memperbaiki komunikasi yang boleh dikatakan sama sekali putus dalam keluarganya; wanita muda yang cantik dan cerdas itu tidak saja merasa menjadi korban kesibukan suaminya, tetapi juga memiliki masa lampau yang menyebabkannya merasa terus-menerus bersalah. Tini ternyata pernah melakukan hal yang tidak pantas dengan seorang pemuda yang dianggapnya sudah hilang, tetapi yang ternyata muncul lagi. Ketika akhirnya Tini mengetahui hubungan antara suaminya dan Yah, ia memutuskan untuk melepaskan Tono dan menyerahkannya kepada wanita bebas itu; namun kemudian ternyata Yah pun merasa tidak pantas mendampingi Tono selanjutnya. Yah malah menganjurkan Tini untuk terus menjaga Tono sebab Yah sendiri memiliki masa lampau yang gelap, yang menurutnya akan menyebabkan kesulitan di masa datang. Tini berketetapan meninggalkan Tono dan memusatkan hidupnya pada urusan organisasi, sedangkan Yah juga akhirnya memutuskan untuk pergi jauh meninggal-

kan dokter itu sendirian saja dengan pekerjaannya. Dan sama sekali tidak ada rasa sedih dan putus asa dalam diri dokter itu.

Setidaknya pada waktu novel itu diterbitkan, moral novel semacam itu tentu pantas digugat, atau setidaknya dipertanyakan. Armijn Pane tidak berpihak kepada siapa pun; ia sekedar mengisahkan saja, dan seolah-olah menganggap rangkaian peristiwa yang direkannya itu wajar saja. Tidak ada dikotomi hitam-putih dalam penokohnya; dengan kata lain Armijn Pane tidak memberikan penilaian pribadi, terhadap dunia rekaannya itu-- suatu sikap yang pada masa itu berbeda dengan apa yang umumnya berlaku dalam dunia sastra kita. Tidak mengherankan jika kemudian timbul reaksi bermacam-macam terhadap novel tersebut.⁴ Ada beberapa petunjuk yang kuat bahwa banyak segi yang diciptakan Armijn Pane itu bersumber dari luar, dalam hal ini Barat. Masalah cinta segi tiga itu saja boleh dianggap sebagai barang impor, terutama jika tidak ada pihak yang dianggap bersalah. Di samping itu, ada kemungkinan pada awal tahun 1940-an masalah konflik batin seperti yang terjadi pada kaum intelektual muda semacam Tono dan Tini, yang memandang nilai-nilai dengan sikap yang tidak pasti, belum diterima sebagai suatu hal yang wajar.

Cinta segi tiga itu adalah belenggu; Tini berhasil melepaskannya dengan meninggalkan rumah tangganya dan memusatkan perhatian pada kesibukan berorganisasi; Tono merasa akan bisa memasuki masa depan dengan lebih cerah setelah berhasil melupakan apa yang telah terjadi; keduanya bisa mendapatkan kebahagiaan lebih besar karena bersikap rasional. Mungkin hanya Yah yang tetap terikat secara emosional dengan masa lalunya dan berusaha melepaskannya dengan pergi jauh ke negeri lain.

Seperti halnya Tono dan Tini, Armijn Pane bertindak sebagai seorang intelektual, yang mempertanyakan nilai-nilai; sementara itu pembaca (dan Balai Pustaka yang menolak novel itu) memberikan penilaian. Kita bisa beranggapan bahwa tokoh-tokoh yang diciptakannya memiliki cara

4 Dalam beberapa nomor *Pujangga Baru* berikutnya dimuat berbagai reaksi tersebut.

berpikir dan bertindak Barat. Seorang sarjana asing, A. Teeuw, menyatakan bahwa *Belenggu* adalah satu-satunya novel berbahasa Indonesia sebelum perang yang bisa melibatkan perasaan orang Barat.⁵ Oleh orang Indonesia, Armijn Pane antara lain dituduh telah menciptakan tokoh-tokoh yang tidak berpikir dan bertindak wajar, bertentangan dengan susila Timur. Bahkan bisa saja dikatakan novel ini tiruan novel Barat yang dekaden atau novel Eropa yang dicangkokkan ke bahasa Indonesia, namun ada sarjana asing lain, A.H. Johns, yang tidak bisa menerima tuduhan semacam itu.⁶ Kita bisa juga memberikan penilaian lain, yakni bahwa pengarang telah berusaha secara objektif menggambarkan suatu masyarakat yang sedang berproses, yang sedang mengalami perubahan dan pergeseran nilai-nilai. Masyarakat pada masa itu mulai menghargai pendidikan cara Barat; pendidikan semacam itu telah menghasilkan kaum intelegktual yang tentu saja senantiasa mempertanyakan nilai-nilai, sementara akan terus ada anggota masyarakat yang merasa terganggu jika nilai-nilai yang sudah diwarisi dan dihayatinya dipertanyakan.

Ada baiknya kita mengutip halaman pertama *Belenggu* untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai uraian ringkas tersebut.

Seperti biasa, setibanya di rumah lagi, Dokter Sukartono terus saja menghampiri meja kecil, di ruang tengah, di bawah tempat telepon.

Ah, mengapa pula ditaruhnya di sini. Diangkatnya barang sulaman istrinya di atas meja, akan mencari bloknot, tempat mencatat nama orang kalau ada meneleponnya, waktu dia keluar. Ketika tidak bertemu di atas meja, dikirainya sulaman istrinya, kalau-kalau terbungkus. Maka klos benang jatuh, benangnya terjela-jela. Bloknot tidak ada. Di mana pula disimpannya.

Karno, bujangnya, masuk membawa valis tempat perkakas.

5 A. Teeuw, *Ibid*, hlm. 83.

6 A.H. Johns, "The Novel as a Guide to Indonesian Social History," dalam *Cultural Options and the Role of Tradition*, Canberra: Australian National University Press, 1979: 12.

"No, di mana bloknot?"

Karno berhenti, lalu memandang tuannya. Dokter Sukartono menyesal bertanya, karena melihat sikap Karno, seolah-olah hendak mengatakan, "Mengapa Tuan pura-pura bertanya? Bukankah kita sudah sama-sama maklum?"

Sama-sama maklum, itulah yang tidak menyenangkan hati Dokter Sukartono. Orang lain sudah maklum akan tingkah laku istrinya kepadanya.

"Mengapa kau berdiri juga, lekas bawa ke dalam!"

Sikap Karno itu pula, seolah-olah hendak mengece!

Hendak terbit marahnya, tetapi dapat juga ditahannya. Sulaman istrinya dilemparkannya ke lantai.

Ah, kalau perlu tentu diteleponnya sekali lagi.

"Kalau perlu." Dokter Sukartono terhening sebentar. "Kalau perlu" berulang di dalam hatinya. Sejak apabila demikian pikirannya, sejak apabila ia tiada peduli akan orang sakit yang meminta tolong kepadanya. Sejak apabila dibiarkannya orang menunggu.⁷

Dalam kutipan tersebut ada tiga kata yang merupakan petunjuk adanya perubahan sosial-budaya, yakni telepon, bloknot, dan sopir. Telepon dan bloknot adalah alat komunikasi modern; sopir memegang kunci bagi gerak cepat yang dituntut oleh masyarakat modern. Dalam *Belenggu*, telepon, bloknot, dan mobil adalah hasil teknologi modern yang mendasari progresi alur. Hubungan-hubungan yang rumit antara Tono, Tini, dan Yah sepenuhnya dikendalikan oleh ketiga barang tersebut. Juga berbeda dari novel-novel sezamannya, hotel merupakan latar yang menentukan; hal ini sekaligus menunjukkan bahwa latar novel Indonesia bergerak dari desa ke kota.

Ada teori yang menjelaskan perbedaan antara struktur masyarakat yang pramodern dan yang modern; yang pertama disebut *Gemeinshaft*, yang kedua *Gesellschaft*. Tatanan masyarakat *Gemeinshaft* didasarkan

7 Armijn Pane, *Belenggu*, Djakarta:Pustaka Rakjat, 1961 (cet. ke-6), hlm. 14. Ejaan disesuaikan dengan EYD.

pada tradisi, yang relatif homogen dalam kepercayaan dan nilai-nilai yang dianutnya, lebih bersifat pedusunan daripada urban. Dalam tatanan masyarakat semacam ini, manusia cenderung berfungsi sesuai dengan pengaturan status secara tradisional. Orang dengan rela menyesuaikan diri pada segala yang telah ditentukan sebelumnya bersama-sama dan diwariskan turun-temurun. Anggota masyarakat bertindak dan saling mengenal melalui kontak berhadap-hadapan. Tatanan masyarakat *Gesellschaft* adalah yang sudah modern; cenderung bersifat urban, atau setidaknya berorientasi ke kota. Sifat masyarakat semacam itu sangat heterogen dan cenderung sekuler. Anggotanya keluar masuk setiap saat sehingga sebenarnya sebutan masyarakat itu sekedar penamaan saja. Tatanan semacam itu sangat tergantung kepada simpang-siurnya hubungan, dan hubungan-hubungan itu dilaksanakan lebih sering melalui tulisan daripada berhadapan langsung. Jika dalam masyarakat *Gemeinschaft* proses komunikasi disebut gosip, maka dalam masyarakat *Gesellschaft* proses yang sama itu disebut media. Tatanan masyarakat yang disebut terakhir itulah yang mendasari apa yang disebut kesadaran modern.

Dengan bloknot orang berkomunikasi lewat tulisan, dengan telepon orang berkomunikasi secara lisan tanpa berhadap-hadapan; dua cara berkomunikasi modern itu tidak muncul dalam novel-novel lain sebelum perang, bahkan juga tidak dalam banyak novel sesudah perang. Untuk menciptakan dunia rekaan yang modern itu diperlukan juga bahasa yang "baru" seperti yang tampak dalam kutipan tersebut, yang jauh bedanya dengan bahasa yang dipergunakan dalam novel-novel sezaman terbitan Balai Pustaka. Seorang pengamat Barat berpendapat bahwa bahasa *Belenggu* tidak jauh berbeda dari bahasa Indonesia kita sekarang, setidaknya novel itu bisa dipahami oleh setiap pembaca yang menguasai bahasa Indonesia. Dalam novel ini, untuk pertama kali seorang pengarang Indonesia bergulat dengan bahasa Indonesia yang sedang timbul agar dapat memenuhi kebutuhan kaum elit Indonesia hasil pendidikan

Barat.⁸

Pada hemat saya, keistimewaan *Belunggu* terletak pada penggambaran perubahan dari masyarakat pramodern ke modern. Dalam novel-novel sebelumnya dan sezamannya, masalah sosial-budaya yang menyangkut perubahan itu dibicarakan panjang lebar oleh para pelakunya. *Sitti Nurbaya* dan *Layar Terkembang*, misalnya, penuh dengan pembicaraan semacam itu. Tokoh-tokoh dalam kedua novel itu berbicara tentang perubahan, mengharapkan perubahan, dan memilih perubahan. Tokoh-tokoh dalam *Belunggu* menghayati perubahan, menjadi "korban" perubahan, dan tidak berbicara mengenai perubahan. Dan rupanya penghayatan terhadap suatu perubahan menuntut cara pengungkapan dalam bahasa yang "baru." Proses semacam itu terus berlangsung sampai sekarang sebab memang merupakan hakikat perkembangan sastra, hasil budaya yang menyajikan dunia rekaan lewat bahasa.

Depok, 1993

8 Baca ulasan Keith Foulcher, *Pujangga Baru: Kesusastraan dan Nasionalisme di Indonesia 1933-1942*, Jakarta: Girimukti Pasaka, 1991, hlm. 86--87.

RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH

1. Sidang : VII
2. Hari/tanggal : Selasa, 9 Februari 1993
3. Pukul : 12.00--13.00
4. Penyaji Makalah : Dr. Sapardi Djoko Damono
5. Topik Makalah : "Perubahan Sosial Budaya seperti yang Tercermin dalam Sastra"
6. Pemandu : Prof. Madya Haji Ahmad Juhari Moain
7. Pencatat : 1. Dra. Hari Sulastri
2. Drs. Teguh Dewabrata

TANYA JAWAB

1. a. **Penanya:** Drs. Soebagio Sastrowardjo, M.A., Indonesia
 - 1) Sebenarnya banyak dokumen Balai Pustaka yang hilang, seperti halnya novel *Belenggu*. Kita hanya dapat mengetahuinya dari "tangan kedua" saja, misalnya dari Prof. Dr. A. Teeuw.
 - 2) Adakah persamaan antara Balai Pustaka pada zaman kolonial (Belanda) dan zaman sekarang?
- b. **Jawaban**
 - 1) Memang diakui bahwa arsip Balai Pustaka pada zaman kolonial banyak yang hilang, meskipun pemerintah (Belanda) terkenal rapi dalam mengelola arsip. Mungkin arsip itu disembunyikan oleh pemerintah (Belanda).
 - 2) Jelas ada persamaannya. Masing-masing menyesuaikan tujuan penerbitan untuk kepentingan pemerintah. Pada zaman kolonial, misalnya novel *Belenggu* ditolak penerbitannya oleh

Balai Pustaka karena tidak sesuai dengan misi pemerintah. Demikian juga sekarang, misalnya buku-buku yang berisi anti-Pancasila sudah tentu ditolak penerbitannya.

2. a. **Penanya:** Dr. Asim Gunarwan, Universitas Indonesia

Apakah pergeseran sosial-budaya dalam sastra tentang santun bahasa yang tampak pada penggunaan ujaran. Ternyata ada persepsi yang berbeda antara golongan muda dan golongan tua dalam perbedaan usia 30 tahun. Golongan muda cenderung dapat dikatakan lebih tidak sopan daripada golongan muda 30 tahun yang lalu. Apakah hal ini juga tercermin dalam sastra? Adakah perwatakan, sikap, dan mungkin juga ujaran yang menunjukkan di dalam sastra tampak ada gejala bahwa manusia baru Indonesia lebih tidak sopan jika dibandingkan dengan manusia lama Indonesia?

b. **Jawaban**

Jelas ada. Terlihat dari novel remaja, misalnya *Lupus* (Hilman) menunjukkan pergeseran sosial budaya dalam sastra. Contoh lain adalah kumpulan puisi berbahasa Betawi yang berjudul *Biarin*, karya Yudhistida Ardinugraha. Di dalam puisi itu diungkapkan pengungkapan puisi yang sama sekali baru. Hal ini merupakan sesuatu yang sangat mengagetkan, mereka menggunakan ungkapan dan kata-kata yang tidak sopan bagi para sastrawan tua, dianggap tidak puitis, tetapi bagi mereka mempunyai fungsi yang luar biasa untuk menyampaikan makna.

VIII

BAHASA DAN PEMASYARAKATAN ILMU DAN TEKNOLOGI DALAM BUDAYA MASA KINI (PENYEBARAN TEMUAN DAN REKA CIPTA)

Awang Haji Metussin bin Omar
Brunei Darussalam

Mukadimah

Rasanya tidaklah perlu saya memberikan definisi yang begitu terperinci mengenai bahasa di sini, kerana pada pemahaman saya, tema tajuk kertas ini tidak memerlukan saya berbuat demikian. Cuma sebagai mukadimah saya akan memberikan pengertian bahasa itu secara umum dan semudah yang mungkin bagi mengelakkan perbincangan panjang yang kurang diperlukan.

Tema kertas ini lebih bersangkutan kepada fungsi dan peranan bahasa (dalam konteks bahasa Melayu) di segi mengenalkan dan mengembangkan ilmu dan teknologi dalam kehidupan masa kini, khususnya daripada penemuan ilmu dan ciptaan teknologi terbaru. Setelah itu akan dilihat sejauh mana bahasa, atau lebih spesifik, istilah-istilah baru yang dicipta itu diterima dan digunakan oleh masyarakat Brunei masa kini.

Definisi Bahasa

Bagi maksud kertas ini, saya menggunakan pengertian bahasa yang paling mudah, iaitu sebagai bunyi-bunyi pengucapan (*speech sounds*) yang menggabungkan perkataan-perkataan dan ayat-ayat bagi menyatakan makna dan buah fikiran. Jadi bahasa itu adalah suatu sistem komunikasi.

Fungsi dan Peranan Bahasa

Bahasa adalah sebahagian daripada aktiviti-aktiviti harian kita. Walau pun ianya suatu yang diwarisi, akan tetapi ianya bukanlah perbuatan (*act*) yang automatik dan natural kerana bahasa itu adalah suatu yang dipelajari dan memerlukan latihan dalam waktu yang panjang. Dalam erti kata yang lain, bahasa boleh diturunkan dari satu generasi kepada generasi yang lain hanya melalui pendidikan intensif.

Pentingnya bahasa itu dalam kehidupan sehingga dapat dibayangkan apa akan jadi kepada sesuatu masyarakat yang tidak mempunyai bahasa, sama ada yang berbentuk lisan mahu pun tulisan. Sudah pasti cara (*means*) pembelajaran mereka akan sangat terhad; dan seperti juga kaidah, mereka mungkin mempelajari sesuatu dengan cara melakukan atau memerhatikan perbuatan-perbuatan orang lain.

Tanpa bahasa, kita juga tidak akan mempunyai cara bagi menyatakan fikiran dan idea kita kepada orang lain, atau dalam memahami proses pemikiran rakan-rakan kita. Boleh jadi juga kita tidak akan memikirkan sama sekali kerana ramai ahli-ahli psikologi berpendapat bahawa fikiran itu sendiri memerlukan penggunaan bahasa sebab proses berfikir itu sebenarnya adalah bercakap mengenai sesuatu kepada diri sendiri (Hollander, H 1960: 196).

Semua yang menjadi sejarah juga akan hilang jika tidak ada bahasa, kerana tanpa bahasa tidak akan ada cara bagi menciptakan semua (*re-creating*) pengalaman-pengalaman yang lalu dan menghubungkannya (*communicating*) kepada orang lain.

Sesuatu masyarakat yang ketiadaan bahasa tidak akan mempunyai cara bagi memastikan kesinambungan pelakuan (*behaviour*) dan pembelajaran (*learning*) yang perlu bagi penciptaan budaya. Pendeknya, dengan sebab bahasa pengalaman-pengalaman manusia itu berterusan dan memperlihatkan perkembangan yang lebih cepat. Melalui bahasa dan tradisi, sesuatu generasi mengambil alih pengetahuan terkumpul (*accumulated knowledge*) generasi sebelumnya dan menambahkannya dengan sumbangan mereka sendiri yang didapati daripada pengalaman-pengalaman serta pemerhatian dan kemudiannya mewariskan keseluruhan pengetahuan itu

kepada generasi pengganti. Proses yang bersifat kumulatif itu hanya boleh berlaku melalui penggunaan bahasa.

Sebagai kesimpulan, bahasa berfungsi sebagai cara melakukan perhubungan dan kerja sama, di mana seseorang individu bukan sahaja boleh menciptakan semua (*re-create*) pengalaman peribadinya dan mengkongsikannya dengan orang lain, bahkan dia juga boleh (*co-ordinate*) kerjanya dengan orang lain.

Perubahan Bahasa

Oleh kerana bahasa itu merupakan bahagian daripada budaya, maka perubahan atau perkembangannya dipengaruhi oleh perkembangan budaya itu sendiri. Misalnya jumlah perbendaharaan kata (vokabulari) yang dimiliki oleh sesuatu bahasa itu adalah secara langsung berhubungan dengan budaya masyarakat yang menuturkannya. Jika budaya itu bertambah kompleks, maka bilangan perbendaharaan kata bahasa masyarakat tersebut akan turut bertambah serta menjadi kompleks pula. Umpamanya bahasa Inggeris yang dikaitkan dengan ciri-ciri kebudayaan yang begitu kompleks memiliki perbendaharaan kata yang lebih besar jumlahnya dan lebih *complicated* pada masa kini daripada yang dimilikinya pada zaman Bahasa Inggeris Lama (Old English Period) apabila budaya penuturnya begitu terlalu bersahaja daripada apa yang ada sekarang. Ada kemungkinan bahawa ciri-ciri perubahan yang sangat ekstrim yang menandakan perubahan dari bahasa Inggeris lama kepada bahasa Inggeris moden itu adalah langsung atau tidak langsung penutur-penutur bahasa Inggeris lama yang relatif bersifat kedesaan bersahaja kepada budaya penutur-penutur bahasa Inggeris moden yang sangat tinggi tingkat perindustriannya (Hoijer, H 1960: 215). Fakta ini menunjukkan bahawa perubahan bahasa adalah sebahagian dan kemestian daripada perubahan budaya keseluruhannya.

Apabila dibandingkan beberapa peringkat dalam sejarah sesuatu bahasa, akan didapati bahasa bukan sahaja bahasa berubah dalam penyebutan (*pronunciation*), tatabahasa (*grammar*) dan perbendaharaan kata (*vocabulary*) bahkan perubahan itu berlaku mengikut tiga proses

utama, iaitu perbezaan kedudukan geografi, perubahan analogi¹ (*analogic change*) dan peminjaman (*borrowing*).

Di Brunei juga perubahan bahasa Melayu adalah mengikut perubahan atau perkembangan yang berlaku kepada masyarakat dan budaya Brunei. Sejarah masyarakat dan budaya Brunei yang begitu panjang dan penuh peristiwa serta kedudukan geografinya yang begitu strategik telah membawa perubahan kepada bahasa Melayu terutama dari aspek penyebutan dan perbendaharaan kata. Dari aspek tata bahasa, bahasa Melayu yang digunakan di Brunei berkaitan rapat dengan bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia disebabkan perhubungan sejarah dan sistem pendidikan yang sangat rapat dan dekat.

Peranan Bahasa Melayu

Bahasa Melayu memainkan peranan yang sangat penting dalam sejarah masyarakat dan budaya Brunei dari zaman dahulu hingga sekarang. Ianya menjadi bahasa perhubungan di antara Brunei dan negara-negara di rantau ini untuk beberapa abad, digunakan bagi menyebarkan dan mendapatkan agama Islam serta ilmu pengetahuan, dan menjadi **lingua franca** dalam urusan tertentu dan sehari-hari.

Apabila Inggeris datang ke Brunei dalam abad ke-18 masehi, bahasa Melayu mulai menghadapi persaingan daripada bahasa Inggeris terutama sebagai bahasa perhubungan dan pentadbiran. Dengan bertapaknya Inggeris di Brunei selaku penaung, maka bahasa Melayu beransur-ansur menghadapi tekanan, dan akhirnya dihadkan kalau tidak pun diketepikan sama sekali, penggunaannya dalam pentadbiran Kerajaan. Jawatan-jawatan penting dalam Kerajaan diutamakan kepada mereka yang

¹ Perubahan analogi berlaku apabila penutur-penutur sesuatu bahasa menciptakan perkataan-perkataan baharu dengan cara menggabungkan bahan-bahan (perkataan-perkataan) lama di atas pola yang sudah sedia wujud bentuknya.

mengetahui bahasa Inggeris dengan baik yang kebanyakannya terdiri dari orang asing yang dibawa masuk ke Brunei oleh pihak Inggeris. Anak-anak tempatan yang boleh bertutur bahasa Inggeris pada waktu itu hanya diberikan jawatan-jawatan yang kurang penting.

Bagi melihat peranan bahasa Melayu seterusnya perbincangan boleh dilakukan berdasarkan kepada beberapa tajuk berikut:

Bahasa Melayu dalam Pendidikan

Peranan bahasa Melayu dalam pendidikan, terutama sejak diperkenankan sistem dalam tahun 1906 adalah bagi menyampaikan ilmu pengetahuan. Disebab pendidikan berbahasa Melayu di Brunei pada waktu itu hanya setakat di peringkat pelajaran rendah,² maka tujuan pendidikan adalah sekadar untuk memberikan kemahiran menulis, mengira, dan membaca. Anak-anak yang ingin melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi dihantar keinstitusi-institusi pengajian di Semenanjung Tanah Melayu, terutama sekali di Maktab Melayu, Kuala Kangsar dan di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim³.

Selepas tahun 1951, Inggeris telah memperkenalkan sekolah berbahasa Inggeris yang kemajuannya lebih cepat daripada sekolah aliran Melayu. Ini dapat dilihat kepada pengenalan peperiksaan tingkatan tiga aliran Inggeris (Menengah Rendah) dalam tahun 1954, sedangkan dalam tahun yang sama persekolahan Melayu masih lagi terhad kepada peringkat rendah. Hanya dalam tahun 1966 perubahan besar berlaku, iaitu dengan tertubuhnya Sekolah Menengah Melayu Pertama yang menyediakan pelajaran sehingga tingkatan tiga (Hajah Fatimah 1986: 57) Matlamat utama sekolah ini adalah untuk menyediakan

² Hingga darjah 6 sahaja, dan selepas itu seseorang murid boleh memilih sama ada mahu menjadi guru atau mencari pekerjaan.

³ Institusi sedemikian hanya ditubuhkan di Brunei pada tahun 1956, iaitu Maktab Perguruan Melayu Brunei.

pelajaran aliran Melayu ke peringkat Sijil Persekolahan Am (tingkatan lima). Bagaimana pun bagi melanjutkan persekolahan selepas tingkatan enam, iaitu bagi memasuki universiti atau institusi-institusi pengajian tinggi yang lain pelajar-pelajar dari sekolah ini terpaksa mendapatkannya di luar negeri, terutama sekali Malaysia; itu pun jumlahnya adalah dihadkan. Dari sini dapat diperhatikan bahawa penggunaan bahasa Melayu itu disaingi dengan hebatnya oleh bahasa Inggeris. Hasil daripada persaingan itu nyata lebih ramai penuntut lepasan sekolah Inggeris mempunyai peluang dalam melanjutkan pelajaran ke tingkatan yang lebih tinggi terutama di luar atau di dalam negeri untuk memperoleh pekerjaan dengan cepat.

Disebabkan dasar pelajaran negara banyak dan langsung mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah, maka ada baiknya disentuh secara sepintas lalu dasar pelajaran negara terutama yang berkaitan dengan penggunaan bahasa. Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chong tahun 1959 ada menyarankan supaya semua bangsa dididik di bawah sistem pelajaran kebangsaan yang percuma dan wajib serta menggunakan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) sebagai bahasa pengantar yang utama (Mohammad Noor 1983:26). Berdasarkan kenyataan itu boleh diertikan bahawa semua sekolah yang dimiliki oleh kerajaan kecuali sekolah aliran Inggeris adalah menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu. Pelaksanaan dari dasar tersebut dapat dilihat kepada struktur sistem pelajaran di Brunei dalam tahun 1976 yang mempunyai dua aliran bahasa iaitu bahasa Melayu dan Inggeris. Apabila murid-murid itu mencapai darjah empat mereka akan diberi ujian. Murid-murid yang berjaya memperoleh markah yang dikehendaki akan beralih tempat memasuki sekolah-sekolah aliran Inggeris tertentu di mana mereka akan diajarkan mata-mata pelajaran dengan menggunakan bahasa pengantar Inggeris kecuali mata-mata pelajaran bahasa Melayu dan agama Islam. Murid-murid yang gagal dalam peperiksaan tadi akan meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah Melayu yang menggunakan bahasa pengantar Melayu (Bujang 1989:73).

Dalam laporan pelajaran yang baharu, iaitu **Laporan Pelajaran Tahun 1972** ada menentukan dan menempatkan bahasa Melayu pada satu kedudukan yang utama, iaitu dengan maksud:

"Untuk menjadikan secepat mungkin bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan sesuai dengan kehendak perlembagaan" (Pehin Orang Kaya Amar Diraja 1972:XVIII).

Daripada laporan tersebut sekali lagi bahasa Melayu diangkat kedudukannya serta diberi keutamaan dalam merangka dasar pelajaran negara.

Pada tahun 1984 bermulalah satu perubahan yang dianggap besar di dalam sistem pendidikan Brunei, iaitu dengan diperkenalkannya suatu sistem baru yang dinamakan "Sistem Dwibahasa". Sistem ini memberikan kesan tertentu kepada kedudukan istimewa yang telah diberikan kepada bahasa Melayu oleh sistem sebelumnya. Mengikut sistem dwibahasa ini murid-murid sekolah diajar dengan menggunakan dua bahasa iaitu Melayu dan Inggeris. Ini bererti tidak ada lagi ujian yang mengasingkan pelajaran aliran Inggeris dan aliran Melayu. Murid-murid sekolah apabila sampai kepada darjah empat akan diberi ujian penyelarasan. Setelah lulus ujian tersebut, murid berkenaan akan diajar dengan menggunakan bahasa pengantar Inggeris kecuali bagi mata-mata pelajaran bahasa Melayu dan agama Islam.

Objektif sistem dwibahasa ialah supaya setiap murid diberi peluang mengikuti bahasa Inggeris dengan baik di samping tidak mengabaikan bahasa Melayu. Pada setengah-setengah pihak objektif sistem dwibahasa itu seolah-olah mencabar kedudukan bahasa Melayu, kerana jika sebelum pengenalan sistem tersebut, kebanyakan atau hampir keseluruhan mata-mata pelajaran diajar dalam bahasa Melayu, tetapi dengan ada sistem itu peranan dan penggunaan bahasa Melayu dalam pendidikan adalah jauh lebih sempit atau berkurangan. Pihak

yang lain pula berpendapat bahawa walau pun objektif sistem dwibahasa itu baik terutama bagi tujuan pendidikan, yakni dalam mendapatkan ilmu pengetahuan yang lebih luas, akan tetapi dari segi yang lain pula ianya tidak memberikan dorongan yang kuat serta bersungguh-sungguh dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu selain hanya untuk memenuhi syarat lulus dalam peperiksaan, terutama kepada murid-murid yang sudah sedia lemah penguasaan bahasanya sejak dari awal lagi.

Dengan wujudnya sistem dwibahasa itu dalam dasar pelajaran negara maka penggunaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah dan maktab-maktab terhad bagi mata-mata pelajaran yang tidak bersifat teknikal seperti bahasa Melayu, agama Islam, lukisan, urusan rumah tangga, muzik dan sivik; sedangkan mata-mata pelajaran lainnya diajar dalam bahasa Inggeris.

Di peringkat institut yang menawarkan kursus-kursus profesional atau teknikal, penggunaan bahasa Melayu adalah jauh lebih terhad disebabkan tenaga-tenaga pengajarnya sebahagian besarnya didatangkan daripada luar negeri yang penguasaan bahasa Melayu mereka adalah sangat terhad malahan tidak ada sama sekali.

Di peringkat universiti⁴ terdapat dua aliran kursus (aliran Melayu dan aliran Inggeris). Bagi kursus aliran Inggeris penggunaan bahasa Melayu tidak ada sama sekali (Haji Jaludin 1989: 60). Bagaimana pun dengan keutamaan yang diberikan kepada fakulti sastera daripada fakulti-fakulti lain, terutamanya dengan pengenalan pengajian bahasa Melayu, maka bahasa Melayu diberikan kedudukan yang begitu bermakna sekali.

⁴ Universiti Brunei Darussalam memulakan kursusnya pada 25hb Oktober 1985.

Selain dari pengajian bahasa Melayu sendiri, kursus-kursus lain dalam jabatan-jabatan di fakulti sastera juga menggunakan bahasa penghantar Melayu sesuai dengan sistem dwibahasa. Cuma kursus-kursus sains, pengurusan dan pentadbiran yang masih dikendalikan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris. Menyentuh penggunaan bahasa Melayu dalam kursus-kursus sains dan teknikal ini terutama dari segi usaha peningkatannya harus dilihat dari konteks sistem dwibahasa itu sendiri. Kecenderungan umum nampaknya menjurus ke arah supaya mata-mata pelajaran sains dan teknikal itu dipelajari dan diajarkan dalam bahasa Inggeris selaku bahasa antarbangsa dan bahasa ilmu pengetahuan terutama sekali sains dan teknologi, atas alasan keselesaan dan kemudahan dalam penerimaan dan penyampaiannya. Kesukaran dan masalah yang biasa dinyatakan dalam mempelajari dan mengajarkan mata-mata pelajaran sains dan teknikal itu ialah kekurangan istilah-istilah teknikal atau ilmiah dalam bahasa Melayu dan kekurangan buku-buku teks dan rujukan dalam bahasa Melayu. "Masalah" itulah yang biasa dijadikan alasan atau hujah mengapa mata-mata pelajaran sains dan teknikal itu perlu diajarkan dalam bahasa Inggeris. Nampaknya *trend* ini akan berlanjutan untuk beberapa waktu selagi pandangan dan sikap tersebut tidak berubah, tambahan pula sistem dwibahasa memberikan pilihan (penggunaan dua bahasa), maka keperluan untuk mengajarkan mata-mata pelajaran sains dan teknikal dalam Bahasa Melayu sepenuhnya atau sebahagiannya tidaklah begitu mendesak.

Bahasa Melayu dalam Perlembagaan

Sejarah yang sangat penting bagi bahasa Melayu di Brunei ialah dengan termaktubnya bahasa Melayu dalam **Perlembagaan Negeri Brunei 1959** sebagai bahasa rasmi negara seperti menurut bab 82 (1), (2), dan (3). Ini bermakna secara rasmi dan undang-undang kerajaan telah meningkatkan kedaulatan bahasa Melayu yang sebelumnya mendapat sains daripada bahasa-bahasa asing terutama Inggeris.

Bab 82 (1) mempersyaratkan: Bahasa rasmi Negeri Brunei ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan huruf yang ditentukan oleh undang-undang bertulis:

Bab 82 (2): Dengan tidak menghiraukan cerai (1), bahasa Inggeris boleh digunakan bagi semua maksud rasmi selama lima tahun selepas dijalankan Bab ini, dan demikian juga selepas itu, melainkan jika undang-undang bertulis telah diluluskan mengubahkan perkara ini.

Bab 82 (3): Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi bagi menjalankan pekerjaan-pekerjaan Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri.

Bagi melaksanakan penggunaan bahasa Melayu seperti kehendak Perlembagaan, langkah awal telah diambil oleh pihak kerajaan supaya surat-menyurat dalam urusan rasmi kerajaan menggunakan bahasa Melayu seperti yang terkandung dalam Surat Keliling Setiausaha Kerajaan Bil: 8/1960 bertarikh 16hb Februari 1960 yang antara lain berbunyi:

"Ketua-Ketua Pejabat adalah ... diminta untuk menentukan bahawa surat-menyurat dan minit-minit di antara dan di dalam pejabat-pejabat hendaklah dalam Bahasa Melayu."

Pada awalnya memanglah terdapat kesulitan dalam pelaksanaan bahasa Melayu itu di kalangan jabatan-jabatan kerajaan, terutama yang melibatkan aspek-aspek teknikal. Kerajaan menyedari secara berperingkat-peringkat. Dalam hal ini kerajaan adalah bertimbang rasa dan liberal (Mahmud 1968: 363) seperti yang dimaksudkan dalam petikan berikut:

"Dalam hal melaksanakan pemakaian Bahasa Melayu ini memang ada kesulitan-kesulitan yang diterima, akan tetapi bagi perkara-perkara yang boleh dibuat dalam bahasa Melayu hendaklah digunakan Bahasa Melayu" (Surat Keliling Setiausaha Kerajaan Bil: 43/1963, 17hb Ogos 1963).

Kesulitan-kesulitan yang benar-benar tidak dapat dielakkan dan belum dapat diatasi dalam waktu-singkat seperti perkara-perkara yang bersangkutan bahasa Melayu dan Inggeris. Jadi jelas antara kesukaran-kesukaran yang timbul dalam penggunaan bahasa Melayu itu adalah berpunca dari masalah teknikal dan kekurangan tenaga-tenaga profesional yang mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang baik.

Belum berapa lama setelah Perlembagaan Negeri Brunei 1959 diistirahatkan, kerajaan telah menumbuhkan Lembaga Bahasa yang dihasratkan sebagai satu badan yang bertanggung jawab bukan sahaja mengenai perancangan bahasa Melayu bahkan juga bertanggung jawab terhadap permohonan seseorang bukan warga negara Brunei untuk menjadi rakyat Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan secara berdaftar atau penuangan. **Akta Kerakyatan Tahun 1968** menetapkan syarat supaya sesiapa yang hendak memohon kewarganegaraan secara pendaftaran atau penuangan dia antara lain mestilah lulus dan fasih berbahasa Melayu.

Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan yang berasingan daripada Jabatan Pelajaran pada 1hb Januari 1965. Sebelum itu ianya dikenal sebagai **Lembaga Bahasa** yang menjadi sebahagian daripada Jabatan Pelajaran pada 16hb September 1961. Pada tahun 1962, Lembaga Bahasa kemudiannya ditukar menjadi **Bahagian Bahasa dan Pustaka**. Mulai 1hb Januari 1965 Bahagian Bahasa dan Pustaka ini telah diasingkan dari Jabatan Pelajaran dan namanya ditukar menjadi **Dewan Bahasa dan Pustaka**.

Antara lain tujuan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka ialah:

- (1) berusaha dan berikhtiar mengembangkan dan meninggikan bahasa Melayu;
- (2) menyesuaikan pemakaian bahasa Melayu yang telah dijadikan bahasa rasmi negara mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan Negeri

Brunei 1959 dalam Bab 82 (1);

(3) menyalurkan atau menentukan pengeluaran buku;

(4) menyatupadukan ejaan dan sebutan dan mengadakan perkataan teknikal dalam bahasa Melayu.

Berbagai program dan kegiatan telah dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sejak penubuhannya lebih dari 30 tahun yang lalu bagi memenuhi tujuan-tujuannya.

Dalam bidang pengembangan bahasa dan sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka telah dan terus menerbitkan bahan-bahan bacaan terutamanya buku untuk kegunaan murid-murid sekolah, pelajar-pelajar dan masyarakat umum, termasuk buku-buku sastera. Buku yang mula-mula diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ialah pada tahun 1963. Sehingga tahun 1987, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan sejumlah 339 tajuk buku, iaitu 22 tajuk dalam tahun 1960-an, 127 tajuk dalam tahun 1970-an dan 190 tajuk dalam tahun 1980-an (Hidop 1987: 52-54). Daripada jumlah tajuk buku yang diterbitkan itu, didapati bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan hanya sejumlah kecil buku dewasa jika dibandingkan dengan buku kanak-kanak. Begitu juga dalam penerbitan buku-buku bersifat ilmiah dan teknologi bagi rujukan sekolah menengah atas (pra-U) dan universiti adalah begitu jauh kekurangan. Sebenarnya kekurangan penerbitan buku-buku jenis tersebut adalah disebabkan kekurangan bahan yang sesuai di samping sumbangan penulis-penulis tanah air yang terhad bilangannya. Kekurangan ini akan tetap dirasakan tanpa adanya kerja sama dan sumbangan daripada pihak berkenaan terutama para cendekiawan yang mempunyai kebolehan (Hidop 1987: 63-64).

Begitu juga dengan karya-karya terjemahan begitu kecil sekali penerbitannya disebabkan Dewan Bahasa dan Pustaka kekurangan tenaga penterjemah yang cukup terlatih dan berpengalaman.

Selain daripada penerbitan buku, Dewan Bahasa dan Pustaka juga menerbitkan Majalah **Bahana** sejak tahun 1966 bagi menampung penulisan kreatif penulis-penulis tanah air.

Pada tahun 1967, jurnal **Beriga** mula diterbitkan dengan tujuan

menyebarkan karya-karya ilmu yang umum dalam bahasa Melayu, sama ada karya penulis-penulis tempatan mahupun karya terjemahan.

Bagi bacaan kanak-kanak, terutama murid-murid sekolah, majalah **Mekar** telah diterbitkan sejak tahun 1967. Majalah ini memuatkan bahan-bahan yang bercorak pengetahuan seperti kebudayaan, sejarah, ilmu alam, sains, cerita rakyat, sivik, cerpen dan sajak. Daripada jumlah naskah yang dicetak pada setiap keluarannya, iaitu hitung panjang 15,000 sejak tahun 1984, nyata majalah ini sangat mendapat sambutan daripada masyarakat umum, terutama sekali di kalangan guru-guru dan murid-murid.

Selain daripada usaha yang disebutkan tadi, Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah mengadakan berbagai peraduan penulisan sastera kreatif seperti novel, cerpen, puisi, drama dan rencana umum yang bukan sahaja memperkaya sumber bacaan dalam bahasa Melayu, tetapi juga memunculkan beberapa tokoh penulis kreatif.

Bagi faedah masyarakat umum, seminar-seminar, simposium-simposium, bengkel-bengkel dan dailog-dailog yang berkaitan dengan bahasa dan sastera juga telah diadakan.

Dewan Bahasa dan Pustaka juga melakukan pendokumentasian dan penyelidikan ke atas bahasa dalam bentuk pengumpulan perkataan-perkataan untuk diterbitkan dalam bentuk kamus.

Untuk melaksanakan penyelarasan istilah dalam bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menguruskan rancangan pengumpulan dan pembentukan istilah dalam bahasa Melayu untuk jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta. Penyelarasan istilah ini dilakukan dengan istilah-istilah bahasa Malaysia dan Indonesia. Pengumpulan dan pembentukan istilah dalam bahasa Melayu ini adalah perlu disusun dalam bentuk kamus sebagai usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Hanya dengan takrif yang jelas dan dengan contoh penggunaan istilah yang tepat baharulah sesuatu istilah itu benar-benar dapat dimanfaatkan (Awang Sariyan 1987: 28).

Selaku jabatan yang diamanahkan dalam perancangan bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka juga dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan dan menyebarkan pemakaian ejaan Rumi baru.

Usaha ini telah dilaksanakan dengan jayanya melalui program-program dan tindakan-tindakan yang khusus seperti mengadakan sesi taklimat, bimbingan dan kursus mengenai sistem ejaan baru. Selain daripada itu Dewan Bahasa dan Pustaka juga mengulang cetak buku-buku yang menggunakan ejaan lama kepada ejaan baru, dan bekerja sama rapat dengan jabatan-jabatan Kerajaan tertentu dalam penyebarluasan sistem ejaan baru kepada orang ramai.

Agensi-Agensi Kerajaan yang Lain dengan Bahasa Melayu

Selain daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, terdapat juga Kementerian-Kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain yang terlibat dalam pengembangan bahasa Melayu ini. Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Kurikulum berusaha menerbitkan buku-buku pelajaran bagi memenuhi kehendak kurikulumnya dan sekali gus mendaulatkan bahasa Melayu. Kementerian Hal Ehwal Ugama juga berusaha mengadakan peraduan-peraduan menulis cerpen dan sajak dan seterusnya menerbitkan bahan-bahan cetak seperti buku-buku dan antologi-antologi sajak dan cerpen yang menang dan terbaik. Jabatan Penerangan pula menerbitkan bahan-bahan cetak yang berkaitan dengan kerajaan dan negara. Muzium Brunei dan Pusat Sejarah menerbitkan bahan-bahan cetak dalam bahasa Melayu mengenai bidang-bidang yang berkaitan dengan sejarah, budaya, kajibangsa dan hidup-hidupan liar.

Badan-Badan Sukarela dan Pihak Swasta dengan Bahasa Melayu

Badan-badan sukarela seperti Persatuan ASTERAWANI (Angkatan Sasterawan dan Sasterawani) juga banyak memberikan sumbangan dalam mengembangkan bahasa dan sastera Melayu di Brunei melalui kegiatan-kegiatan seperti seminar dan dialog, peraduan-peraduan bahas, menulis cerpen, puisi dan drama serta perkampungan sastera. Persatuan ini pernah menerbitkan majalah **Karya** bagi menampung karya-karya sastera

dan budaya penulis-penulis tanah air. Syarikat Minyak Shell Brunei yang mewakili pihak swasta juga menerbitkan buku, pamflet dan akhbar syarikat berkenaan dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan Inggeris.

Akhbar Borneo Bulletin yang dahulunya menggunakan bahasa Inggeris keseluruhannya kini mempergunakan sebahagian daripada halamannya dalam bahasa Melayu.

Sejauh yang berkaitan dengan pihak swasta, iaitu syarikat-syarikat perniagaan, kedai-kedai, pasar raya dan gedung-gedung perniagaan, penggunaan bahasa Melayu bagi papan-papan tanda perniagaan, iklan dan tanda-tanda harga adalah cukup memuaskan. Bagaimana pun sebahagian besar daripada urusan niaga mereka, walaupun untuk dalam negeri masih menggunakan bahasa-bahasa selain daripada bahasa Melayu.

Media Massa dengan Bahasa Melayu

Kemajuan sains dan teknologi mengakibatkan timbulnya media elektronik dan media cetak yang banyak menyumbangkan kepada pertumbuhan ilmu dan maklumat. Radio, televisyen serta surat khabar menyebarkan perkembangan-perkembangan terbaru dunia, ilmu pengetahuan, perusahaan, dan lain-lain yang memungkinkan para pendengar, penonton, dan pembacanya mempelajari dan mengetahui peristiwa-peristiwa mutakhir dunia serta istilah-istilah terbaru yang muncul daripada penemuan-penemuan dan ciptaan-ciptaan terbaru dalam dunia sains dan teknologi. Di Brunei peranan media massa ini begitu penting sebagai sumber mendapatkan maklumat mutakhir mengenai apa yang berlaku di dunia. Ianya juga dimanfaatkan bagi memperolehi ilmu melalui program-program yang bersifat pendidikan seperti filem rencana, berita, hal ehwal semasa, forum, rencana pengetahuan, ulasan rencana, dan seumpamanya. Sejauh yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu di radio, kadar penggunaannya adalah seratus peratus. Bagi TV pula walau pun menunjukkan peningkatan jumlah dalam penerbitan rancangan-rancangan tempatan, ianya masih belum begitu memuaskan dan perlu ditingkatkan. Bagaimanapun rancangan-rancangan dari luar

negeri kini diberikan sarikata dalam bahasa Melayu ataupun dialah suarakan ke dalam bahasa Melayu. Akhbar rasmi Kerajaan **Pelita Brunei** adalah dalam bahasa Melayu dan akhbar swasta **Borneo Bulletin** menggunakan dwibahasa. Bagaimanapun bagi menampung bahasa bacaan dalam bahasa Melayu, akhbar-akhbar berbahasa Melayu dari negara-negara jiran, iaitu Malaysia dan Singapura juga dimasukkan ke Brunei. Ternyata akhbar-akhbar itu memberikan maklumat dan sumber ilmu yang sangat berguna.

Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu

Daripada apa yang saya jelaskan sejauh ini, nyata bahasa Melayu itu memainkan peranan yang luas dan penting dalam kehidupan masyarakat Brunei terutama dalam pentadbiran negara, pendidikan, perhubungan dan sebahagiannya dalam kegiatan-kegiatan ekonomi. Setelah lebih dari 30 tahun bahasa Melayu itu didaulatkan di dalam Perlembagaan, masih menjadi persoalan hingga kini apakah bahasa Melayu itu sudah cukup efektif dan mampu menjadi bahasa komunikasi bagi mendapatkan dan menguasai ilmu dalam perkembangan dunia dan ilmu pengetahuan yang semakin pesat dan kompleks ini? Semakin kompleksnya masyarakat Brunei bersama kemunculan ilmu, teknologi, penemuan dan ciptaan baru, maka semakin perlu pula mereka menyediakan dan menyesuaikan diri bagi penerimaan dan penguasaan unsur-unsur baru itu. Dari itu mereka memerlukan bahasa yang cukup dinamik bagi memudahkan istilah-istilah teknikal asing dan baru yang muncul daripada perkembangan-perkembangan terbaru itu diterima, disesuaikan, dan diserapkan ke dalam bahasa Melayu. Dalam erti kata yang lain, bahasa Melayu itu mestilah sentiasa melengkapkan diri dan bersedia untuk menjadi bahasa ilmu. Apakah dia bahasa ilmu itu? Bahasa ilmu ialah bahasa yang menjadi saluran ilmu pengetahuan, bahasa yang digunakan untuk menyampaikan bahan-bahan ilmu. Dalam konteks bilik darjah, bahasa ilmu ialah bahasa yang digunakan untuk mengajarkan mata-mata pelajaran sekolah. Pada tahap yang lebih tinggi, bahasa ilmu ialah bahasa yang digunakan untuk

mengungkapkan buah fikiran dan hujah yang kompleks, dengan tepat, jelas dan berkesan (Nik Safiah 1987: 22).

Apakah bahasa Melayu sudah boleh dianggap sebagai bahasa ilmu? Dalam konteks Brunei boleh dikatakan secara umum bahawa bahasa Melayu itu sudah dapat digunakan dalam penyampaian ilmu dan maklumat kepada orang ramai. Begitu juga dalam sistem pendidikan peringkat rendah, menengah, dan tinggi. Akan tetapi, apa yang juga harus menjadi perhatian berat ialah setakat mana **intensiti** penmggunaan bahasa Melayu itu selaku bahasa ilmu. Kesukaran yang baiasa timbul dalam apa pun juga proses adaptasi, terutama budaya, ialah penerimaan sesuatu fenomena baru asing dalam sesuatu masyarakat. Walau pun proses itu dapat dilaksanakan juga akhirnya, akan tetapi ia mungkin mengambil masa yang panjang. Begitulah halnya dalam penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu sejauh yang bersangkutan dengan disiplin-disiplin baru yang timbul dalam masyarakat Brunei. Untuk lebih spesifik, ternyata penggunaan bahasa Melayu dalam penyampaian ilmu-ilmu sains dan teknologi di peringkat tinggi itu masih belum meluas dan intensif atau tegasnya belum memuaskan. Alasan mengapa hal itu berlaku tidak perlu saya nyatakan lagi di sini kerana ianya sudah saya sentuh di bahagian awal kertas ini ketika membicarakan peranan bahasa Melayu dalam pendidikan. Apa yang dapat saya katakan lebih lanjut ialah mungkin juga penyampaian kursus-kursus sains dan yang bersifat teknikal itu akan menggunakan bahasa Inggeris secara berterusan demi memenuhi cita-cita sistem dwibahasa yang bertujuan melahirkan pelajar-pelajar yang fasih berbahasa Inggeris disamping bahasa Melayu, dan atas pertimbangan pelanjutan pelajaran di seberang laut terutama di negara-negara yang menggunakan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan mereka. Ertinya, kecepatan dan intensiti penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam sistem pendidikan Brunei terutama dalam kursus-kursus sains dan teknikal di peringkat tinggi bukan sahaja bergantung kepada faktor teknikal dan tenaga mahir, bahkan juga bergantung kepada kemahuan (*will*) menggunakan bahasa Melayu itu sendiri sebagai dasar. Kelayakan untuk menjadi bahasa ilmu itu juga tidaklah sepenuhnya bergantung kepada kemampuan sesuatu bahasa itu menciptakan istilah-

istilah teknikal dalam bahasanya sendiri. Yang perlu dilihat juga ialah kepada bentuk bahasa yang digunakan dan taraf penguasaan penggunaanya.

Walau pun para ilmuan tempatan boleh berbahasa Melayu, tetapi dari segi penguasaannya sebahagian besarnya masih belum sempurna, tidak mantap, bahkan kadang-kadang memperlihatkan kesalahan-kesalahan yang nyata. *Code-switching* di antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris masih berlaku dan berleluasa di kalangan cerdik pandai kita. Jadi untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang berkesan, penguasaan bahasa Melayu di kalangan para ilmuan perlu ditingkatkan, kerana syarat utama untuk menjadi bahasa ilmu penggunaan bahasa Melayu hendaklah sempurna dari segi ejaan, sebutan, tata bahasa dan perbendaharaan kata serta mempunyai unsur kecekapan dan kejelasan. Bahasa ilmu tidak membenarkan penggunaan yang bersifat sederhana, samar-samar dan makna yang tidak tepat (Nik Safiah 1987: 22-23).

Jika dilihat dari segi luas penggunaan bahasa Melayu dalam penyebaran ilmu yang "berteknologi rendah" atau kurang teknikal, maka ianya boleh dianggap berjaya. Bidang-bidang persuratan, pentadbiran, ekonomi, kemasyarakatan, perhubungan, dan seumpamanya telah menggunakan bahasa Melayu tanpa menghadapi banyak masalah.

Dalam bidang perundangan dan kehakiman bahasa Melayu digunakan pada batas yang tertentu sahaja, seperti dalam hal pentadbiran dan pemberitahuan notis. Dalam tugas-tugas yang lebih teknikal seperti perbincangan, penggubalan undang-undangan dan pembuatan perjanjian, bahasa Inggeris masih memegang peranan yang dominan. Keunggulan bahasa Inggeris itu dalam bidang perundangan boleh dilihat dalam contoh berikut: Walau pun ada teks dalam bahasa Melayu, tetapi jika timbul masalah tafsiran, teks dalam bahasa Inggeris akan digunakan sebagai rujukan mutlak.

Betapa pun berbagai usaha telah dan sedang dilakukan bagi menuju matlamat menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa ilmu dalam semua bidang, faktor yang nampaknya melambatkan pencapaian matlamat tersebut ialah dasar pendidikan yang berjalan sekarang. Amatlah sukar

bagi memenuhi kehendak perlembagaan sepenuhnya jika bahasa Melayu hanya digunakan dalam penyaluran ilmu-ilmu tertentu yang dianggap bukan berteknologi tinggi. Bahasa Melayu sukar, kalau tidak pun mustahil bagi dijadikan bahasa penghantar ilmu-ilmu berteknologi tinggi yang berkenaan selagi pengekalannya ilmu-ilmu sains dan teknologi terus berjalan. Mungkin sumber-sumber bacaan dan rujukan serta istilah-istilah dalam bidang sains dan teknologi boleh didapati daripada negara-negara jiran tertentu, akan tetapi penggunaan bahan-bahan tertentu tidak mendatangkan manfaat yang tinggi dan mungkin juga tidak perlu jika bahasa pengantar ilmu-ilmu berkenaan masih perlu jika bahasa pengantar ilmu-ilmu berkenaan masih tetap dalam bahasa asing. Mungkin sahaja bahan-bahan itu berguna bagi tujuan tertentu seperti untuk dijadikan sumber rujukan dalam menulis penerbitan dalam bahasa Melayu atau dalam membuat penterjemahan ke bahasa Melayu, tetapi bukan untuk keperluan pembelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi. Saya rasa bagi mengesankan lagi peranan bahasa Melayu sebagai penyalur ilmu dan teknologi; maka peluang menggunakan bahasa Melayu mestilah diberikan secara saksama, malah lebih dan bukannya memberikan saingan yang tidak seimbang.

Penyebaran Istilah daripada Penemuan dan Ciptaan Baru

Kemunculan penemuan-penemuan dan ciptaan-ciptaan baru di dunia pada masa kini banyak menimbulkan ilmu, teknologi dan peralatan yang baharu. Serentak dengan perkembangan itu maka muncullah istilah-istilah baharu dalam bahasa dan budaya kita yang antaranya begitu asing dan belum difahami umum. Keadaan sedemikian menimbulkan keperluan supaya istilah-istilah baharu dan asing itu diperkenalkan dengan lebih luas agar mudah difahami. Melalui proses begini maka istilah-istilah baharu sama ada masih dalam bentuk asalnya mahu pun yang telah disesuaikan dengan bahasa Melayu berkembang dengan pesatnya dalam bahasa kita. Dalam konteks Brunei Darussalam istilah-istilah baharu dalam bahasa Melayu yang bersifat ilmiah atau teknikal dari berbagai ilmu adalah yang

didasarkan daripada istilah-istilah yang digunakan oleh Malaysia.

Kewujudan istilah-istilah daripada penemuan ilmu-ilmu dan ciptaan-ciptaan baru, terutama dalam bidang sains dan teknologi sudah begitu banyak jumlahnya. Langkah yang perlu dilakukan pula ialah bagaimana istilah-istilah itu dibudayakan atau diajarkan kepada masyarakat umum mengikut erti dan konteksnya yang betul dalam bahasa Melayu.

Sejak MBIM ditubuhkan pada tahun 1972 sudah banyak istilah-istilah baru dicipta yang meliputi berbagai bidang. Akan tetapi, dari jumlahnya yang besar itu sudah berapa banyak pula yang telah digunakan dengan luas dan lumrahnya dalam masyarakat? Tidaklah ada justifikasinya menghasilkan istilah yang begitu besar jumlahnya sekiranya istilah-istilah itu tidak banyak yang digunakan, difahami, dan disebarakan.

Memanglah diakui bahawa daripada jumlah istilah yang telah dicipta itu ada yang tidak digunakan oleh sebab-sebab tertentu. Antaranya ialah disebabkan istilah-istilah baru itu lebih mudah difahami oleh orang-orang yang berpendidikan tinggi sahaja daripada masyarakat biasa. Dalam erti kata yang lain istilah-istilah baru itu hanya digunakan dan difahami oleh sekelompok daripada masyarakat banyak. Jadi penggunaannya amatlah terhad.

Dalam penggunaan istilah-istilah baru itu, kadang-kadang timbul keadaan di mana terdapat kekeliruan dan kesalahan dari segi konteks penggunaannya. Contohnya pada masa kini kita begitu lumrah digunakan perkataan "canggih" oleh masyarakat umum. "Canggih" atau dalam bahasa Inggerisnya *sophisticated* biasanya digunakan dalam konteks bagi memperlihatkan jenis sesuatu peralatan moden atau terbaru; misalnya "peralatan tentera yang canggih". Akan tetapi, ada juga yang menggunakannya dalam konteks yang kurang tepat atau sembarangan sehingga perkataan itu digunakan bagi memperihalkan apa sahaja seperti fesyen pakaian, selera atau gaya seseorang.

Dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu sekarang, bukan sedikitnya perkataan-perkataan atau istilah-istilah yang berasal daripada perkataan-perkataan Inggeris yang sudah diterima dan diserapkan ke dalam bahasa Melayu. Perkataan-perkataan itu adalah hasil daripada perkembangan dunia moden, ilmu dan teknologi moden di mana

masyarakat kita harus menyesuaikan diri terhadapnya. Perkataan-perkataan itu sama ada yang diterima dalam bentuknya yang asal atau yang cuma diubah sedikit ejaan atau sebutannya. Saya tidaklah perlu menyenaraikan secara panjang contoh-contoh perkataan dalam kategori ini, cukuplah dengan beberapa perkataan sahaja seperti:

doktor, filem, meter, kompas, talipon, reaktor, teleskop, satelit, ekspot, overdraf, teater, stadium, televesyen, elaun, setor, bonus, kabel, kapten, bom, roket, insuran, bil, asset, invois, broker, seminar, hoki, cek, mikropon, konsortium, helikopter, diskaun, karaoke, kamera.

Ada pula istilah-istilah yang walau pun sudah ada maknanya atau istilahnya dalam bahasa Melayu masih juga digunakan istilah-istilah asalnya dalam bahasa Inggeris atau diubah sedikit ejaannya bagi disesuaikan dengan ejaan Melayu. Pengguna-pengguna bahasa lebih biasa dan serasi menggunakan istilah-istilah asalnya kerana ringkas terutama bila digunakan semasa percakapan. Antara perkataan-perkataan itu ialah:

agen (wakil), diskaun (potongan harga), *overtime* (lebih masa), *budget* (belanjawan), *cash* (tunai), *parking* (penaruhan), *mortage* (gadai janji), *instalmen* (ansuran), *back dated* (undur tarikh), *delivery order* (arahan serah), *contingency* (luar jangkaan), *punch card* (kad teluk), *landmark* (mercutanda), *token money* (wang tanda), *statemen* (kenyataan).

Penggunaan istilah-istilah dalam bahasa Inggeris secara perleluasa itu (walau pun sudah ada istilah-istilahnya dalam bahasa Melayu) menunjukkan bahawa istilah-istilah Melayu itu masih belum meluas penerimaan, penggunaan dan penyebarannya dalam masyarakat, atau dalam erti kata yang lain penggunaan istilah-istilah Melayunya itu belum dianggap berjaya.

Ada pun perkataa-perkataan atau istilah-istilah yang dipopularkan sendiri oleh pihak-pihak tertentu tanpa diluluskan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam bidang kebahasaan. Apakah istilah-istilah tersebut harus diterima dan digunakan juga? Umpamanya sekarang ini

sudah ada istilah "cakera padat" bagi "*compact disc*" (CD).

Demi mempopularkan istilah-istilah yang telah dicipta sejauh ini kepada masyarakat, langkah tertentu dan berterusan perlu diambil oleh pihak yang bertanggung jawab dalam perancangan bahasa Melayu dengan kerja sama daripada agensi-agensi kerajaan yang lain serta pihak swasta.

Salah satu cara yang sangat berkesan, mudah dan cepat dilakukan ialah melalui media massa terutamanya radio, televisyen dan akhbar yang sangat mempengaruhi kehidupan orang ramai. Melalui rancangan-rancangan khas radio dan televisyen serta ruangan-ruangan khas di akhbar-akhbar, pengenalan dan pengajaran istilah-istilah baru dalam bahasa Melayu dengan cara yang menarik pasti mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai.

Kesimpulan

Walau apa pun juga masalah yang dihadapi oleh bahasa Melayu dari segi pelaksanaannya sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu, bahasa Melayu harus berkembang menurut perkembangan ilmu dan teknologi masa kini jika ianya mahu menjadi bahasa yang dinamik dan moden. Memang disedari bahasa masih banyak liku yang perlu dilalui oleh bahasa Melayu sebelum dapat diwujudkan sebagai bahasa perhubungan dirantau ini khususnya di kalangan negara anggota ASEAN. Keanggotaan Brunei dalam MABBIM boleh membentuknya dalam memajukan hal-hal yang berkaitan dengan masalah kebahasaan. Mungkin juga Brunei boleh memberikan sumbangan melalui persembahan istilah-istilah tempatan yang dibentuk setelah mendapati istilah Malaysia dan Indonesia tidak sesuai. Sumbangan dalam istilah-istilah teknikal yang berhubungan dengan industri minyak dan gas juga merupakan potensi yang dapat difikirkan pada masa yang akan datang. Kerja sama dalam MABBIM adalah perlu bagi standardisasi dalam penyediaan istilah-istilah saintifik dan teknikal bagi faedah bersama.

Golongan ilmuan pula selaku yang menguasai ilmu, teknik dan kepakaran bertanggung jawab dalam mengembangkan bahasa Melayu

melalui peningkatan penulisan dan penerbitan dalam bidang masing-masing. Tanpa peningkatan usaha tersebut, maka selagi itu bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu akan tetap berada di paras yang ada sekarang.

Rujukan

- Awang Sariyan. 1987. "Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Ilmu", **Dewan Budaya**, Jilid 9 Bil.12, Disember 1987, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: 27-28.
- Bujang Haji Matnor. 1989. "Satu Tinjauan Tentang Perancangan Bahasa Melayu Standard di Negara Brunei Darussalam", **Beriga**, Bil.23 April-Jun 1989, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei: 68-78.
- Hajah Fatimah Mohd. Hussain. 1986. "Masa Depan Bahasa Melayu Di Negara Brunei Darussalam", **Beriga**, Bil.13 Okto ber-Disember 1986, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bru nei: 49-71.
- Haji Jaludin Haji Chuchu. 1989. "Bahasa Melayu Di Brunei Darus salam daripada segi perun dangan, kedu dukannya dengan Bahasa Lain, Fungsi dan situasi pembelajaran", **Beriga**, Bil.24 Julai-September 1989, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei: 47-62.
- Hidop Zin. 1987. "Analisa Ringkas Penerbitan Buku dan Majalah Dewan Bahasa dan Pustaka, Perkembangan dan Masalahnya", **Beriga**, Bil:17, Oktober-Disember 1987, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei: 48-64.
- Hoijer, H. 1960. "Language and Writing" dalam **Man, Culture and Society**, diedit oleh Harry L. Shapiro, A Galaxy Book: 196-223.

- Mahmud Bakyr. 1960. "Brunei Dan Masalah Bahasa Brunei", **Bahasa**, Jilid 3, Bil:7, April-Jun 1968, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei: 361-365.
- Mohammad Noor bin Chuchu. 1983. "Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Sekolah Brunei", kertas kerja Pertemuan Guru-Guru Nusantara I, di Singapura pada November 1963.
- Nik Safiah Karim. 1987. "Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu", Dewan Budaya, Jilid 9 Bil.12, Disember 1987, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: 22-23.
- Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri. "Rancangan Pelaksanaan Dasar Pelajaran Baru", **Laporan Suruhanjaya Pelajaran Negeri 1972**.

RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH

1. Sidang : VIII
2. Hari/tanggal : Selasa, 9 Februari 1993
3. Pukul : 11.30--12.30
4. Penyaji Makalah : Awang Haji Metussin bin Omar
5. Topik Makalah : "Bahasa dan Pemasyarakatan Ilmu dan Teknologi dalam Budaya Masa Kini"
6. Pemandu : Prof. Dr. Haji Farid M. Onn
7. Pencatat : 1. Dra. Hari Sulastri
2. Drs. Amran Purba

TANYA JAWAB

1. a. **Penanya:** Dr. Asim Gunarwan, Universitas Indonesia
Bagaimana kebiasaan membaca masyarakat Brunei, apakah sudah mendukung usaha atau upaya memasyarakatkan ilmu pengetahuan dan teknologi. Maksudnya, apakah masyarakat Brunei sudah senang atau berminat untuk membaca tulisan ilmiah populer?

b. **Jawaban**

Untuk memasyarakatkan ilmu perlu ada budaya membaca, tetapi masalahnya masyarakat Brunei masih malas membaca, terutama bacaan-bacaan yang bersifat ilmiah. Sifat malas membaca ini juga tampak pada golongan-golongan yang mempunyai kedudukan yang baik dan tinggi di dalam masyarakat, apalagi dalam masyarakat rendah.

2. a. **Penanya:** Prof. Dr. Amran Halim, Universitas Sriwijaya
Bagaimana perkembangan bahasa Melayu supaya sesuai dengan perkembangan ilmu dan teknologi yang dapat dicapai dengan sistem pendidikan dwibahasa karena ilmu pengetahuan dan teknologi diajarkan dengan bahasa Inggris, lahirnya sistem pendidikan dwibahasa (1984) merupakan jalan keluar untuk dapat mengatasi keadaan sekarang ini, kemudian, menjadi sistem pendidikan yang *monolingual* pada saatnya nanti.

b. **Jawaban**

Dalam sistem dwibahasa yang sekarang berjalan, bahasa Inggris masih digunakan dalam ilmu pengetahuan dan teknologi. Jika dasar ini masih berjalan, agak sulit untuk mengembangkan bahasa Melayu itu dalam ilmu pengetahuan dan teknologi karena sistem pendidikan dwibahasa itu masih memberikan pilihan (bahasa Inggris dan bahasa Melayu), bukan tunggal. Bagi mereka yang sejak kecil kurang menguasai bahasa Melayu mereka dapat menghindari untuk tidak meningkatkan kemampuan bahasa Melayunya. Dengan sistem pendidikan dwibahasa itu, masalahnya apakah itu bersifat kekal atau sementara. Kalau sistem itu kekal akan menyedihkan perkembangan bahasa Melayu kecuali kalau bahasa Inggris itu hanya digunakan sebagai bahasa pengantar untuk mengantarkan pelajar yang akan belajar ke luar negeri karena bersifat sementara. Bila mereka kembali ke Brunei, mereka akan mengajar, menerjemahkan, dan menulis dengan menggunakan bahasa Melayu, tetapi hal itu agak sulit dicapai, kecuali ahli-ahli kita sudah cukup banyak untuk memenuhi harapan itu. Jika keadaannya tidak seperti itu, hal itu akan menyedihkan bagi perkembangan bahasa Melayu.

3. **Penanggap:** Awang Haji Amat bin Kadi, Brunei Darussalam

Salah satu jalan untuk menjadikan orang Brunei maju dengan memberikan pelajaran bahasa Inggris dan mengirim anak-anak Brunei untuk belajar ke luar negeri. Jalan keluar lain adalah

mengadakan pelajaran bahasa Inggris dalam segala bidang. Meskipun bahasa Inggris diajarkan, kami dan anak-anak kami masih dapat menggunakan bahasa Melayu dengan dialek Brunei dalam percakapan. Hal ini merupakan kebanggaan bagi kami.

IX

PERKEMBANGAN SASTERA MELAYU TUNTUTAN DAN KEMAMPUAN

A. Samad Said
Malaysia

KAMI di Malaysia—barangkali di sini juga—sedang disesaki teori sastera. Sejak setahun lalu, kami menjadi lebih sesak lagi olehnya. Polemik teori sastera berlanjutan—terkadang-kadang dicemari sindiran—antara Mohd. Affandi Hassan, Mana Sikana, dan Prof. Muhammad Hj. Salleh, sesekali diselengi Abdullah Tahir, Umar Junus, dan Ahmad Kasim Hamidi. Di dalam debat itu terhimpun beberapa keraguan dan andaian—di samping pencarian—tentang cara sebaik dan sewarasnya kita menangani dan menilai karya kreatif. Rasanya, biarpun besar degarnya, tapi bilangan mereka yang benar-benar mengesani atau memahaminya tidak mustahil sedikit. Maklum saja debat sedemikian sentiasa menuntut banyak persediaan. Apalagi untuk memahami tentang kekusutan seni di tengah-tengah pentafsir yang tidak sekadar berbeda latar sikap, malah asas pengetahuannya. Memang sastera kreatif bukan sekadar gumpalan cerita. Keanehannya juga banyak, makanya tafsirannya juga sulit.

Semua ini bermula apakala akhir-akhir ini ramai ilmuwan menghantar banyak teori baru sastera dunia diyakini bermanfaat bagi perkembangan sastera Melayu mutakhir. Paling nyaring diberitahu antaranya ialah teori strukturalisme dan dekonstruksionisme, juga intertekstualiti dan semiotik. Seniman mula terbiasa dengan nama-nama Foucault dan Lacan, Kristeva, Derrida, dan Berthes. Malah paling baru nama-nama Baudrillard, Rorty, Habermas, dan Fukuyama. Saya sendiri turut terbiasa dengan nama-nama

mereka saja, percayalah tidak—atau belum—dengan teori-teori mereka.

Gelora sekitarnya semakin kuat. Paling panas, Mohd. Affandi Hassan mempersoalkan tentang kewibawaan ilmiah para akademik, malah meragui kewibawaan ilmiah seorang sarjana sastera. Bagi Affandi, penulisan moden tampaknya begitu menyeleweng daripada tradisi yang kita warisi selepas Islam. Padanya kini terdapat sistem Persuratan Melayu dan Sistem Sastera Malaysia. Yang pertama, menurutnya, berteraskan keagamaan dan moral yang tinggi, sementara yang kedua berteraskan faham sekular yang mengutamakan keseronokan.

Ada yang berpendapat Affandi terlalu mempermudah persoalan. Apalagi apabila Affandi mendakwa lima orang tokoh Sasterawan Negara membawa faham sekularisme dan anti-agama. Lebih buruk, menurutnya, kurikulum baru kesusasteraan di sekolah-sekolah menggunakan pula karya mereka.

Affandi menyanggah langsung teori strukturalisme dan dekonstruksionisme. Secara terbuka, dia mendakwa Prof. Muhammad gagal memakai teori baru itu. Malah Prof. Muhammad dikatakan melupakan tradisi keilmuan Islam. Ada yang meyakini Affandi mengambil sikap seorang ahli falsafah, malah dia sudahpun disebutkan sebagai filsuf kritikan sastera Malayu yang pertama di Malaysia.

Kini di Malaysia diyakini sudah ada tiga teori sastera: teori Syed Naquib al-Attas, teori Braginsky, dan teori Affandi. Dan secara samar memang ada juga teori Muhammad Hj. Salleh dan teori Hashim Awang. Tapi, cuma Affandi saja khabarnya mendakwa sudah menyediakan arah yang betul bagi perkembangan sastera Melayu. Baginya kini penulis harus memilih model Sistem Persuratan Melayu atau Sistem Sastera Malaysia. Saya sendiri terseret juga secara kurang selera. Saya dikatakan melihat perdebatan itu dengan pandangan ragu. Malah saya dikatakan cuba mempengaruhi para penulis dan para sarjana agar menolak teori sastera Affandi.

Filsuf kritikan yang kerjanya berfikir perlu diterima, kata penyokong Affandi. Kita harus membiasakan diri dengan tulisan yang bercorak filsafat berat, kata penyokong itu lagi. Affandi dikatakan cuba melakukan usaha ilmiah yang serius. Malah dia diyakini memulakan perdebatan

sebagai seorang filsuf kritikan sastera dengan seorang sarjana sastera.

Di tengah-tengah kehangatan ini — apalagi ternyata belum juga tersua teori yang berkesan — saya sebenarnya lebih terganggu oleh aplikasi tempatan bagi apapun jenis atau teori kritikan ini. Makanya, saya — mungkin seperti orang bodoh — pernah bertanya bagaimana teori-teori muluk itu dapat mudah diserupakan kepada karya sastera Melayu. Memang pengaruh psikoanalisis Freud pernah diserupakan ke atas karya Shahnnon Ahmad — juga karya saya — untuk menghuraikan rahsia riak bawah-sadar kami. Dan sekali dua memang ada kritikan yang menggunakan pendekatan feminisme. (Mungkin Rosnah Baharuddin menggunakan pisau ini ketika mengupas novel *Hujan Debu* karya Rosmini Shaari). Barangkali pendekatan dialogik atau fenomenologi mungkin jarang ditemui.

Kerana seringnya para kritikus itu serasi meminjam karya-karya luar yang kebetulan pernah terlebih dulu dikupas orang menurut teori-teori baru itu, maka jarang tampaknya yang berani ke bumi sendiri. Pada satu ketika, saya terdorong bertanya apakah kita akan yakin mengupas *Tunggul-Tunggul Gerigis* dan *Ruang Perjalanan* dengan pisau Lacan dan Derrida? Atau pernahkan *Seroja Masih di Kolam* dan *Isteri* diteropong dengan menggunakan mikroskop Kristeva dan Barthes?

Pada hemat saya, kini kami memang sedang terganggu oleh rempuhan teori baru yang walaupun mengasyikkan mungkin kurang dimengerti rahsia keasyikannya. Ini tidak pula bererti bahawa sumbangan Lacan, de Man, Derrida, dan Barthes itu tiada gunanya. (Saya harap saya tahu manfaatnya). Makanya ada suara menasihatkan ilmuwan-ilmuwan termoden itu supaya melihat dulu ke dalam realiti sendiri, kepada akar seni dan budaya sendiri. Shahnnon Ahmad pernah mengingatkan bahawa "kesusasteraan berilmu" buka "sekadar permainan minda" (*Dewan Sastera*, April 1991). Prof. Mohd. Kamal Hassan pula berpendapat sastera perlu "meningkatkan apresiasi manusia tentang semua nilai baik, murni dan diredhai Tuhan" (*Dewan Sastera*, Mei 1991).

Saya biarkan di situ dulu kerana keributan teori itu menjalar ke ranting lain pula. Bagaimana dapat dimengerti — apalagi diaplikasi — teori-teori itu jika karya sastera Melayu masih begitu lembab?

Selain pengemuka teori, kita juga, malangnya, ramai peramal yang muram. Prof. Muhammad Hj. Salleh, Baha Zain, Kassim Ahmad, dan Shanon Ahmad hampir semuanya menggambarkan — mungkin benar-benar meyakini — kekusutan dan kemacetan dunia sastera Melayu. Prof. Muhammad mengingatkan bahawa kita tidak seunggul penulis dunia. Malah kita, katanya, sebenarnya mempunyai hanya tiga empat orang penulis. Sementara Baha Zain pernah berkata bahawa penulis-penulis Melayu kurang memahami dunia realitinya, malah tidak pendobrak. Kassim Ahmad menyesali sasterawan Melayu tidak mempunyai sesuatu adicita, malah Shanon Ahmad memarahi sasterawan Melayu yang, menurutnya, keacak-acakan arah!

Tapi, aneh, mereka ini juga sebenarnya penulis kreatif yang berwibawa. Sebagai penulis kreatif tentu saja mereka juga ditanya apakah yang telah dilakukan mereka terhadap dunia sastera yang disedarinya muram itu? Apakah mereka hanya berdiri sebagai perenung? Atau apakah mereka sebenarnya bercakap tentang kegagalan diri mereka sendiri sebagai pencipta karya kreatif?

Pada hemat saya, sejauh ini kita sebenarnya masih belum membuat satu penelaahan yang bertanggung jawab terhadap semua genre karya sastera mutakhir. Telaah dan penilaian yang ada masih belum mampu menggambarkan situasi sastera Melayu yang sebenar. Memang sastera kontemporer masih belum begitu dirapati secara penuh terbuka, ditafsir dengan penuh mengerti, dan dihayati dengan penuh akrab. Kebanyakan karya itu dibiarkan terlepas hanya sebagai cerita-cerita biasa. Misalnya, belum ditinjau apakah rahsia di sebalik kecenderungan Arena Wati akhir-akhir ini menceritakan tentang "Cachotterie Amouracher" lebih daripada tentang Tahir dan Dani (dalam *Lingkar*).

Padahal tentu ada cerita atau rahsianya. Misalnya, Anwar Ridhwan kelihatan lebih cenderung bersandar pada buku sebagai landas temanya seperti kecenderungan Luis Borges. Atau mengapa Malim Ghazali PK memilih Surinam dan Othman Puteh gairah ke puncak sebagai latar dan inti bagi karya masing-masing. Setahu saya sebuah cerita biasanya tidak terhenti di situ saja. Cerita-cerita biasanya terbina daripada fakta-fakta tertentu, walaupun sebahagiannya hasil imaginasi pengarangnya, perlu

diteliti jika kita ingin mendengar suara dalaman seorang seniman. Kita harus merenung mengapa realiti hidup hariannya mesti dihantar melalui satu teknik yang asing oleh penulisnya. Tidakkah ia sebenarnya menghantar sesuatu isyarat?

Tidak sekadar penelaahan teks sastera, gerakan sastera juga tidak tersambut gairah. Dalam kebanyakan acara seni, misalnya, hanya apabila ketua negara atau perdana menteri hadir, barulah jelas kelihatan jentera birokrat seni turut datang berbondong. Tentu saja datangnya bukan kerana cinta dan seni, sebaliknya kerana ingin terlihat sebagai pencinta atau pendukung seni di mata pemimpinya saja. Pernah berlaku drama "Metos" yang hangat laporannya dalam media massa, pada malam-malam persembahan tertentu penontonnya kurang daripada 40 orang.

Tentu saja kerana itulah seniman tulen terpaksa belajar hidup cermat, kerana menyedari bahawa bukan penerbitnya saja banyak yang judi-judian, malah sejak dua tiga dekad ini, khalayak sastera juga turut beragam. Pada khalayak tinggi memang ada anggap bahawa seniman kita kurang berkarya setanding dengan seniman besar dunia, walaupun ia satu andaian saja. Yang jelas segelintir khalayak begini masih belum juga sempat keluar daripada mentaliti jahanan Raffles atau Birch ataupun masih terus mabuk dalam sekoci Maggie Lauder.

Maka itu sering disarankan — atau dirangsang — supaya kita belajar menghargai wira sendiri. Khusus untuk sastera diadakan Bulan Membaca atau acara sejiwa itu. Karya yang baik pasti saja ada. Misalnya, kami senang dengan *Tunggul-Tunggul Gerigis* dan *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur* oleh novelis mapan. Malangnya, masih tetap ada yang sengaja meminta Alexander Solzhenitzyn, John Updike atau Milan Kundera tanpa menyedari latar dan sejarah sastera Melayu masih amat muda.

Sebenarnya memang ada jalur sinar yang baik dalam karya sastera Melayu. Ada bakat-bakat yang memberi harapan seperti Anwar Ridhwan, Latiff Mohidin, Siti Zainon Ismail dan Baharuddin Kahar. Malah yang veteran seperti Arena Wati dan Hassan Ali masih turut bangkit. Makanya, apakah kita benar-benar yakin cerpen-cerpen dalam antologi *Sangkar* tidak memperlihatkan suatu kemajuan dalam dunia cerpen mutakhir Melayu? Apakah kita juga benar-benar yakin bahasa *Saudagar*

Besar Dari Kuala Lumpur bukan novel Keris Mas yang lebih berisi dan bermutu daripada Korban Kesucian? Dan apakah antologi *Akuarium Kota* bukan sebuah karya yang mewakili suara penulis wanita? Tidakkah semua itu bayangan peningkatan mutu karya Melayu sejauh ini? Apakah Shahnnon Ahmad memang sengaja menulis *al-Syiqaq* dan *Patriach* dengan semangat kekalahan daripada sisi mutu seninya?

Memang ada beberapa petanda yang menggalakkan dalam dunia sastera Melayu mutakhir. Daripada Arena Wati (selain trilogi *Sakura Mengorak Kelopak*) telah sedia trilogi lain yang berlandaskan peristiwa di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Daripada Hassan Ali juga khabarnya ada karya terbaru, dan ini masih tidak termasuk beberapa antologi puisi daripada Muhammad Hj. Salleh dan T. Alias Taib; antologi cerpen daripada Zurinah Hassan dan Anis; antologi esei daripada S. Othman Kelantan dan Kemala; dan naskah lakon daripada Nordin Hassan dan Zakaria Ariffin. Rasanya kesemua karya ini dicipta dengan keazaman — dalam suasana seni — lebih bersemangat dan sungguh-sungguh. Malah daripada kalangan lebih muda, Ismail Sarbini, Ghazali Ngah Azia dan Khairuddin Ayip juga semakin bertenaga.

Barangkalilah kita tidak mempunyai penulis yang mahahebat. Dunia penulisan Inggeris tempat kita rajin membuat bandingan juga sebenarnya begitu. Barisan penulis warga imigran yang banyak membantu memperkaya sastera Inggeris. Salman Rushdie, Timothy Mo, Hanif Kureishi, dan Kazuo Ishiguro berdiri sama kuat di sisi Martin Amis, Iris Murdoch dan Adam Mars-Jones. Padahal tenaga-tenaga kita yang ada sebenarnya belum lagi dinilai sesempurnanya.

Contoh-contoh yang dipilih biasanya sengaja daripada cebisan atau fragmen karya tahun-tahun kesangsian dan percubaan beberapa orang penulis. Puisi "Gak-gak-gak" yang ditimbulkan hasil tahun enam puluhan. Ghafar Ibrahim sudah lebih berkembang, tidak lagi di "Lapangan Ya-ya-ya"nya saja. Seperti juga Shahnnon Ahmad tidak lagi dengan "Lagu Kit-Kit-Kit". Selagi hidup, setiap seniman masih terus berjalan dan berkembang. Ada pengembaraan yang biasanya panjang, maka ada karya yang lebih menjamin.

Dalam hubungan ini, kelahiran *Patriach*, walaupun penyampaiannya

ke Marquezan dan nadanya marah keras, temanya tetap hampir sepusat dengan novel-novelnya *Tok Guru*, *Sutan Baginda*, dan *Menteri*. Watak dan latar tempatnya berkisar-kisar. Dalam gembur teori itu juga lahir tiga novel S. Othman Kelantan — *Ruang Perjalanan*, *Wajah Seorang Wanita*, dan *Ustaz*. Novel yang awal merakamkan tentang kerenggangan hubungan di antara anak yang terlalu "berpelajaran" dengan ayah yang semakin ke akhirat — satu pertarungan hati dan akal yang sulit dan pelik. Dan dua novel berikutnya pula menyelongkar kehidupan sejarah diri dan keluarga, mencari dan menghurai erti nilai dan harga-diri dan erti cinta.

Arena Wati, Anwar Ridhwan, Zakaria Ariffin, dan Rahmat Haroun masih cuba bergerak di atas bumi sendiri, tapi dengan pengkhususan dan pendalaman masalah.

Penulis-penulis Sabah tampaknya semakin yakin mengangkat kehidupan tempatan dengan semangat dan harapan memahami keluarga. Dalam karya-karya Amil Jaya, Azmah Nordin, dan Obasiah Haji Osman terlihat pengertian akan tuntutan hidup dan keperluan seni, sementara Harun Haji Salleh meniupkan angin dakwah melalui novelnya, *Liku-Liku Pertembungan*.

Apakah percubaan mereka menghidangkan kehidupan kaum Melanau, Murut, dan Bajau itu bukan penghantaran isyarat tentang betapa perlunya dipupuk semangat keluarga besar yang serasi. Pendeknya, masing-masing penulis mempunyai obsesinya sendiri. Dendam Shahnnon menyorot dunia pemimpin, kesungguhan S. Othman Kelantan merakam dilema seorang ustaz, kegairahan Arena Wati menjelajah negara dan kehidupan luar, kecenderungan Anwar Ridhwan dan Othman Puteh untuk bertamsil, kesedaran Zakaria Ariffin dan Malim Ghozali PK akan sejarah dan ketajaman Rahmat Haroun membedah hidup moden, semuanya adalah bayangan kemajuan dan pematapan sasterawan Melayu.

Pendeknya dalam karya-karya baru memang ada upaya mempertingkatkan mutu karya ke tingkat yang lebih tinggi dan lebih kontemporer — sebahagiannya percubaan untuk selari dan selera dengan karya-karya Arthur Hailey, Sydney Sheldon dan Irving Wallace bagi mendekati tema dunia industri. Tapi, masih tetap ada yang teragak, berhenti seketika

untuk bertanya apakah mereka perlu berkisar begitu saja ke daerah tema — kehidupan — yang belum difahami ataupun belum serasi dengannya.

Ada yang terhenti lama untuk menghalusi erti (atau panggilan) karya baru. Apakah karya sastera perlu mendadak saja mengekori gelombang kesedaran baru. Mereka memang sedar bahawa karya sastera adalah khazanah seni, sesuatu tanggapan segar, pengalaman berharga dan sesuatu kebijaksanaan, tempat seniman boleh bermimpi, atau melihat kemungkinan dan keterbatasan hidup. Shahnnon Ahmad antara yang paling menyedari ini.

Oleh kesedaran baru ini muncul juga watak yang tidak sekadar cuba menjadi seniman musiman, sebaliknya bertahan terus sebagai seniman tulen. Abdulaziz H.M. dan Marzuki Ali tampaknya mempertahankan semangat dan pegangan itu. Mereka sedar bahawa mencipta ada dasar dan arahnya, bukan menulis buta. Mereka sedar bahawa secara inti, mencipta adalah penerangan, pentafsiran, penjernihan dan penghematan tentang buana, makhluk, dan kehidupan. Sebahagian besar puisi mereka makanya terbina daripada pengalaman hariannya yang intense itu. Di samping mereka, penyair dan penulis seperti Nahmar Jamil, Nora, dan S. Othman Kelantan sering bertindak sebagai pendakwah kecil membawa kandil ke tengah kehidupan mereka yang gelap atau malang.

Dan kerana kekurangan seniman tulen, penglibatan seniman musiman turut bertambah. Maklum saja di Malaysia banyak hadiah dalam aneka peraduan menulis. Mereka terpicat ke situ. Dalam peraduan begitu tentu saja penulisnya mencari-cari cerita yang sekira-kira sesuai dengan saranan atau kehendak penganjurnya sehingga sukar disua realiti kehidupan yang tulen. Makanya, sasterawan tulen menghindari pujukan atau pancingan begini. Mereka tidak sedia dikekang; mereka ingin mencipta seni sebelas dan setulusnya. Watak-watak sekuat ini tentu saja sedikit.

Mereka yang segelintir inilah yang cepat berasa malu jika gagal menghantar sesuatu penemuan atau idealisme sendiri. Mereka percaya seniman seharusnya menjadi pendahulu — pendiri — bukannya pengekor, apalagi pengekor oleh pancingan hadiah.

Untungnya, tetap ada penulis berwatak daripada kalangan penulis

muda. Karya-karya Zakaria Ali, Rahmat Haroun, Rosmini Shaari dan Azmah Nordin, misalnya, mendekati kehidupan dan mempertahankan mutu. Di samping itu, mereka mula menyerlahkan wilayah kehidupan — atau tema — baru secara yakin dan segar.

Dengan sedikit bersabar tidak mustahil daripada kalangan mereka akan terloncat karya besar. Memang terbayang benih seniman pada penulis-penulis seperti Anwar Ridhwan, Rahmat Haroun, Rosmini Shaari, Azmah Nordin, dan Zakaria Ali. Ada tanda-tanda bahawa mereka bukan sekadar mencipta cerita, malah mengasuh diri menjadi insan lebih perasa. Khususnya Anwar Ridhwan yang ternyata mempunyai keunikan mencari dan mentafsir sesuatu kehidupan atau masalah dalam daerah baru. Karyanya *Arus*, *Orang-Orang Kecil* dan *Di Negeri Belalang* mencakup kehidupan masa kini melalui tamsilan dan sindiran. Zakaria Ali turut membayangkan kekuatan yang sama. Ada perdebatan seni dalam karyanya, *Empangan*, tanpa lupa menghantarnya secara berseni sambil berpesan. Begitu juga dengan Rahmat Haroun dan Rosmini Shaari yang memperlihatkan pendalaman dan peningkatan bahan. Malah Rosmini Shaari membuktikan stamina luar biasanya dalam *Hujan Debu*, setanding barangkali dengan stamina Arena Wati.

Dengan adanya karya-karya spesialisasi Rahmat Haroun, segelintir novel kehidupan tempatan oleh penulis-penulis Sabah dan Sarawak, ditambah oleh kekuatan stamina berkarya Rosmini Shaari, maka terbayanglah masa depan sihat dunia sastera Melayu, walaupun khalayak barangkali belum memuaskan.

Dari sisi aktiviti seni dan juga kegairahan lain pada sasterawan Melayu. Ladin Nuawi yang mula membaca puisi humor di Kelantan, misalnya, mula berani menanggung kehidupan seni di luar negara. Marzuki Ali dan Abdulaziz H.M. pula sejak pulang menuntut dari TIM, Indonesia, kini cekap melaksanakan idealisme Anak Alam yang dipelopori Latiff Mohidin. Keazaman seni mereka memang wajar diteladani. Ladin gemar mengembara dan merakamkan pengalaman pentingnya ke dalam puisi. Sudahpun ke Mesir, Perancis, Sepanyol, dan kini dia "menetap" belajar di England. Abdulaziz H.M. pula hidup sepenuhnya sebagai seniman, mengerjakan sesuatu yang berbau seni bagi

sara hidupnya. Dia juga gairah mengembara—membahagikan dirinya di antara Semenanjung, Sabah, dan Sarawak bagi tujuan seninya. Sementara Marzuki Ali sebagai aktivis teater yang terlatih di Taman Ismail Marzuki memberikan perhatian terhadap Grup Teater Asyiknya yang rajin berulang-alik ke Sabah dan Sarawak bagi mementaskan lakon-lakon besar Yunani.

Dan secara lebih serius tentu saja masih ada sasterawan tulen yang sentiasa cuba meyakinkan umum bahawa dunia boleh indah, manusia boleh bijaksana dan kehidupan boleh bermakna. Melalui karyanya sasterawan tulen ini cuba bercakap jujur dengan hati yang menguji dan otak yang berhujah. Kaum seniman biasanya cuba memperlihatkan kemungkinan keindahan itu kerana, bagi mereka, sentiasa ada harapan dalam kehidupan dunia ini. Harapan seperti inilah yang turut terkelip dalam bait-bait Jose Rizal menjelang saat-saat mautnya. Sasterawan menyaksikan dunia dengan penuh sedar dan khidmat, menepati kata-kata Elias Canetti: "The man who does not see the state of the world we are living in has scarcely anything to say about it" (*The Conscience of Words and Ear-witness*).

Para sasterawan sentiasa sedar bahawa dirinya terlihat, malah terhantuk, oleh pelbagai nafas dan nurani alam; terjebak oleh pelbagai peristiwa yang merangsangnya Sasterawan sedar bahawa karya seni, pada intinya, pasti indah, walaupun yang terlapor di dalamnya kesedihan dan kesengsaraan. Soalnya dapatkah karyanya menjadi senjata melawan keganasan dan ketololan (atau ketakasaan) sesama insan? Sulit tentunya. Tapi, karya seni masih dapat menjadi saksi sejarah bahawa tetap ada manusia yang menangis, dan memarahi ketololan sesama insan, mendorongnya untuk bertanya: kerana dunia ini?

Berbekalkan karya seni, pasti saja kita ingin menghadapi dunia yang kacau ini dengan kedamaian dalam diri, walaupun melalui puisi barangkali kita akan lebih cuba bermain dengan rima, bersembunyi di celah imageri dan berpesan melalui simbol. Juga berbekalkan ini, seniman sentiasa cuba menjadi pengkritik sihat di tanah airnya, tapi pembela tulen di luarnya, meyakini bahawa cinta bangsa, dia menyelarnya dari dalam menyelar dari luar, kita melukai bangsa. Menyelar dan

mengambil sikap sedemikian biasanya sukar dihargai kerana seperti selalunya kata-kata penyair jatuh lambat berbunyi; berbunyi lambat terdengar; terdengar lambat dimengerti.

Kuala Lumpur, 1 Februari 1993

RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH

Sidang	:	IX
Hari, tanggal	:	Selasa, 9 Februari 1993
Pukul	:	14.10--15.10
Penyaji Makalah	:	A. Samad Said (Malaysia)
Judul Makalah	:	"Perkembangan Sastra Melayu-Tuntutan dan Kemampuan"
Pemandu	:	Pengiran Haji Badaruddin bin Haji Ghani
Pencatat	:	1. Dra. Hartini Supadi 2. Drs. Teguh Dewabrata

TANYA JAWAB

1. a. **Penanya:** Hamid Jabbar, Sastrawan Indonesia

Ia mendukung apa yang disampaikan oleh A. Samad Said bahwa sesungguhnya belum ada penelaahan yang bertanggung jawab terhadap genre sastra mutakhir Malaysia. Juga ditambahkan bahwa kondisi yang ada di Malaysia itu tidak jauh berbeda dengan situasi kesastraan di Indonesia. Kritikus sastra disesalnya karena menganggap sastrawan berkreasi tanpa mengeluarkan keringat, tanpa kesungguhan hati. Padahal, menurutnya, kritikus sastra itu sendiri bekerja tanpa ada penelaahan yang bertanggung jawab. Jabbar mengharapkan agar kritikus yang beraliran mana pun mempunyai sikap yang sama dalam menangani karya sastra, sebagaimana sastrawan melahirkan karya sastra dengan sepenuh hati.

2. a. **Penanya:** Datin Azizah Mokhzani, Malaysia

Dalam karya sastra Malaysia, adakah hasil tulisan pengarang wanita yang mengkhususkan pada *world view* atau *view point* dari segi kewanitaan pada penulis Malaysia dan Indonesia.

b. **Jawaban**

Indonesia bukan wilayah kesastranya, jadi Samad Said tidak dapat menjawabnya. Penulis wanita sastra Malaysia, seperti Siti Zainin Ismail, dalam karya-karyanya banyak menampilkan atau mengangkat khasanah budaya lama sehingga tampak kesan bahwa wanita Melayu modern sudah lupa pada khasanah lamanya. Penulis wanita lainnya pun juga menyuarakan keinginannya untuk mengenal adat istiadat budayanya, yang justru hal itu tidak ditemui dalam kesusastraan Melayu. Khasanah budaya Melayu sebelumnya ditulis oleh orang-orang Inggris dalam bahasa Inggris, bahkan, menurutnya, belum lama berselang terbit tiga tulisan mengenai hutan dan bumi Malaysia Timur yang ditulis oleh orang asing. Jadi, untuk mengenali kampung halamannya sendiri, orang-orang Malaysia harus membaca tulisan-tulisan orang lain.

3. a. **Penanya:** Datuk Paduka Haji Mahmud bin Haji Bakyr, Brunei Darussalam

Menanggapi peliknya kesastraan di Malaysia, Datuk Paduka Haji Mahmud menyarankan kepada pemakalah untuk membaca buku terbitan baru, *The Novel*, karangan penulis Hawai. *The Novel* dianggapnya mampu membantu meringankan masalah kesastraan Malaysia karena orientasi *The Novel* adalah pembaca sehingga karya itu mampu menjadi *the best seller*. Masalah yang paling menarik adalah pengarang buku itu tidak pernah membaca kritik dari orang lain karena surat-surat kritik itu telah disensor terlebih dahulu oleh istrinya. Mungkin cara seperti itu dapat menolong situasi kesastraan di Malaysia dan Indonesia.

b. **Jawaban**

Penulis *The Novel* itu sungguh berbahagia mempunyai isteri seperti itu. Sayang, dua isteri saya sama sekali tidak ada yang mempunyai sifat yang membanggakan suami itu. Sebetulnya yang saya risaukan di Malaysia adalah masing-masing ahli sastra bergairah melihat ke "luar", kemudian "menangkap" teori, lalu

melontarkannya ke "dalam" dengan menguraikannya menggunakan buku-buku yang dibicarakan di luar. Apakah teori-teori itu boleh diterapkan pada sastra kita? Setakat ini pertanyaan saya itu belum terjawab.

X

BAHASA DAN PEMASYARAKAT ILMU DAN TEKNOLOGI DALAM BUDAYA MASA KINI (PENYEBARAN TEMUAN DAN REKA CIPTA DI MALAYSIA)

Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh
Malaysia

1. Pengenalan

1.01 Tajuk yang diberikan untuk makalah ini menjadikan yang berikut sebagai ruang lingkupnya:

Pertama : Bahasa itu dilihat dalam konteks Pemasarakatan Ilmu dan Teknologi

Kedua : Pemasarakatan itu ditinjau dalam konteks Budaya Masa Kini

Ketiga : Pemasarakatan ilmu dan teknologi pula dikhususkan kepada bidang Penyebaran Temuan dan Reka Cipta

Keempat : Semuanya itu dilihat dalam konteks Malaysia kini.

1.02 Keempat-empat sempadan di atas dapat dirumuskan sebagai meminta supaya diperkatakan atau dibicarakan tentang apa yang berlaku di Malaysia kini sehubungan dengan pembabitan atau libatan bahasa Melayu dalam penyebaran ilmu dan teknologi terutamanya sehubungan dengan diseminasi penemuan dan reka cipta.

1.03 Atas kefahaman yang begitulah maka makalah ini ditulis. Walau bagaimanapun, jika tidak dapat dielak nanti, akan disentuh pula hal-hal yang dikira berkaitan, asal sahaja hal-hal itu tidak terlepas

sama sekali dari ruang lingkup judul makalah ini seperti yang diuraikan di atas.

- 1.04 Oleh karena kesukaran mendapatkan maklumat mutakhir tentang kedudukan sebenarnya mengenai aspek-aspek yang terkandung dalam judul makalah ini, dalam banyak tempat, yang lebih ketara dikemukakan nanti ialah permasalahan yang wujud dan bukannya fakta-fakta khusus.

2. Istilah

- 2.01 Judul makalah ini mengandungi beberapa istilah. Kebanyakannya, seperti *pemasyarakatan*, *ilmu*, *teknologi*, *budaya* adalah jelas kepada semua kita; tetapi istilah *temuan* dan *reka cipta* mungkin difahami dengan luas oleh pengguna bahasa setempat, tetapi makna itu mungkin tidak sama dengan makna yang difahami oleh dua negara pengguna bahasa yang sama.
- 2.02 Kata *temuan* terdapat sebagai satu entri dalam **Kamus Besar Bahasa Indonesia** (1988) dengan makna "1 hasil memikirkan dan melakukan percobaan; 2 unsur kebudayaan baru yang diperoleh berdasarkan eksperimen." **Kamus Dewan-Edisi Baru** (1988) tidak memasukkan entri tersebut.
- 2.03 Terdapat istilah *reka cipta* sebagai entri dalam **Kamus Dewan-Edisi Baru** (1988) dengan pengertian "ist barang yang pertama kali dicipta; ciptaan baru." *Reka cipta* tidak terdapat sebagai satu entri dalam **Kamus Besar Bahasa Indonesia** (1988).
- 2.04 Demikianlah, satu masalah yang dihadapi dalam penyediaan makalah ini. Untuk tujuan perbincangan selanjutnya, dengan istilah *temuan* dimaksudkan seperti yang diberi dalam **Kamus Besar Bahasa Indonesia** (1988) dengan istilah *reka cipta* (*reka cipta*)

dimaksudkan seperti yang diberi dalam **Kamus Dewan-Edisi Baru** (1988).

3. Bahasa dalam Pemasyarakatan Ilmu dan Teknologi

- 3.01 Di Malaysia, pemasyarakatan ilmu dan teknologi merupakan satu pencapaian yang besar walaupun masih belum sampai ke peringkat yang ideal. Pencapaian itu menjadi mungkin kerana ketegasan dalam sistem pendidikan nasional.
- 3.02 Pemasyarakatan ilmu dan teknologi itu berlaku kepada generasi muda di sekolah, di mana ilmu dan teknologi itu dipelajari menerusi pengantar bahasa Melayu. Lebih kurang tiga dekad pemusatan usaha di bawah penyelarasan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan, maka lahirlah sejumlah istilah ilmu dan teknologi. Berikut dari itu, terbit pula sejumlah buku dalam bahasa Melayu mengenai ilmu dan teknologi.
- 3.03 Walau bagaimanapun, masih banyak yang diperlukan. Masih banyak istilah ilmu dan teknologi perlu dicipta dan diselaraskan. Masih banyak buku yang perlu ditulis dalam bahasa Melayu dan masih juga banyak yang diterjemahkan untuk memperhebatkan pemasyarakatan ilmu dan teknologi dalam bahasa Melayu. Jumlah buku ilmu dan teknologi yang ada dalam pasaran amat kecil. Pusat-pusat pendidikan tinggi sahaja, sepuluh tahun lalu, mengendalikan kurang lebih dua ribu mata kursus dalam pelbagai bidang keilmuan.¹ Rata-rata kita baru mempunyai satu buku dalam bahasa

¹ Sha'ari Abdullah, "Masalah Penerbitan Buku Geosains di Malaysia" dalam Mohamad Ali Haji Hasan (ed.), **Penggunaan dan Pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam Bidang Geosains**. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, halaman 32.

Melayu untuk satu mata kursus. Buku-buku dalam bahasa Inggeris masih perlu digunakan.

- 3.04 Pemasyarakatan ilmu dan teknologi peringkat popular berlaku menerusi penerbitan majalah serius oleh Dewan Bahasa dan Pustaka seperti **Dewan Pelajar**, **Dewan Siswa**, **Dewan Masyarakat**, **Dewan Budaya**, **Dewan Sastera**, **Pelita Bahasa**, dan **Jurnal Dewan Bahasa** serta, akhir-akhir ini **Kanun**. Walau bagaimanapun, penyebaran menerusi penerbitan majalah-majalah ini kelihatannya mirip kepada ilmu kemanusiaan, kemasyarakatan, tetapi masih kurang dalam bidang sains dan teknologi sekalipun sains dan teknologi tahap popular terdapat dalam beberapa majalah di atas.
- 3.05 Sebuah usaha baik oleh Dewan Bahasa dan Pustaka baru-baru ini ialah penerbitan sebuah majalah dalam bidang ilmu atau sains dan teknologi untuk pelajar-pelajar menengah yang diberi judul **Dewan Kosmik**. Kita berharap ini akan disusul pula dengan majalah yang serupa untuk pembacaan orang dewasa. Dengan demikian lebih terasa impaknya dalam pemasyarakatan ilmu dan teknologi kepada masyarakat massa.
- 3.06 Perkembangan paling akhir, di luar usaha Dewan Bahasa dan Pustaka, juga menggalakkan apabila akhbar-akhbar tempatan memuatkan pula rencana-rencana dan ruangan khusus tentang aplikasi komputer di samping judul-judul sains. Televisyen di Malaysia juga menayangkan filem-filem dokumentari sains dan teknologi impor. Ada yang didabing dan ada yang memakai sari kata. Walau bagaimanapun, terdapat pula kecenderungan penerbitan tempatan yang menggunakan bahasa Inggris, seperti program "Money Matters" yang membicarakan hal-hal ekonomi, kewangan, dan dagangan dalam dan luar negara.

3.07 Merumus tentang kedudukan penggunaan bahasa Melayu pada masa ini, Farid dan Nik Safiah (1989) menyebut:²

.... di sebalik usaha-usaha ini, penggunaan bahasa Melayu belum boleh dikatakan telah berjaya sepenuhnya. Dalam sektor-sektor tertentu, seperti dalam pentadbiran kerajaan dan dalam sektor pendidikan, kejayaan bahasa Melayu amat menggalakkan. Terutama dalam sektor pendidikan, bahasa Melayu telah mencapai tahap suatu ragam bahasa yang mampu menangani dan memperkatakan hal-hal yang kompleks dan ilmiah.

Tetapi dalam beberapa domain utama yang lain, seperti dalam sektor swasta dan dalam bidang profesion, khususnya dalam sektor undang-undang, perubatan, perniagaan dan sebagainya, keadaannya masih mengecewakan.

3.08 Dewan Bahasa dan Pustaka akan membelanjakan sebanyak RM50 juta bagi menerbitkan 800 judul buku termasuk 200 cetakan semula bagi tahun 1992.³ Jumlah judul baru sebanyak 600 itu memerlukan betapa kecilnya masih usaha penyebaran ilmu dan teknologi dalam bahasa Melayu. Dalam majlis yang sama, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia menyatakan bahawa dari 700,000 judul buku, majalah dan jurnal yang ada dalam Perpustakaan Universiti

² Farid M. Onn dan Nik Safiah Karim, "Membina Keperibadian Kebangsaan Melalui Dasar Bahasa Kebangsaan" - kertas kerja dibentangkan dalam **Kongres Cendekiawan Melayu II**, di Universiti Kebangsaan Malaysia, 1-2 Julai 1989.

³ Kenyataan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka kepada akhbar pada 10 Oktober 1992 seperti dilaporkan oleh akhbar **Berita Harian**.

itu, hanya lima peratus sahaja dalam bahasa Melayu.⁴

- 3.09 Rancangan penerbitan buku pengajian tinggi memang ada dibuat. Dalam tempoh sepuluh tahun dari 1985-1995, sebanyak 4000 judul direncanakan dengan peruntukan sebanyak RM80 juta.⁵ Pada saat makalah ini ditulis tidak pula diperoleh sejauh manakah perancangan itu telah terhasil walaupun tempohnya masih ada dua tahun lagi.
- 3.10 Penyertaan dalam penyebaran ilmu dan teknologi ini dilakukan juga oleh penerbit-penerbit di luar Dewan Bahasa dan Pustaka. Perangkaan di bawah ini menunjukkan anggaran penyertaan tersebut dalam penerbitan ilmiah, dalam bentuk buku, monograf dan jurnal, dalam tahun 1990:⁶
- 3.11 Penyertaan ini nampaknya semakin bertambah dari tahun ke tahun. Perangkaan di bawah ini menunjukkan pertambahan monograf dalam bahasa Melayu pada setiap lima tahun mulai tahun 1970 hingga 1990.⁷

⁴ *Ibid.*

⁵ Hasrom bin Haron, Pengerusi Jawatankuasa Seminar Industri Perbukuan Negara Menuju Wawasan 2020, 19-20 Ogos 1992, "Memorandum Industri Perbukuan Negara", sebuah **Memorandum** disampaikan kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

⁶ Hasrom bin Haron, *Ibid.*

⁷ Disesuaikan dengan Lampiran 2 dalam Hasrom bin Haron, *ibid.*

Tahun	Jumlah yang didaftarkan
1970	483
1975	613
1980	1118
1985	1458
1990	2498

- 3.12 Demikianlah kita lihat kedudukan bahasa Melayu dalam penyebaran ilmu dan teknologi di Malaysia pada masa kini.

4. Implikasi Pencapaian di Atas

- 4.01 Ada dua tafsiran pencapaian di atas. Pertama adalah positif sifatnya, iaitu, bahasa Melayu itu mampu menyebar dan, dengan demikian, memasyarakatkan ilmu dan teknologi. Cuma, kemampuan tenaga untuk menerbitkan buku dan majalah serta jurnal itu terbatas oleh sebab keperluan buku ilmiah itu mendadak tibanya setelah bahasa Melayu itu, dalam era penjajahan kolonial, dibiarkan "hidup segan mati tak mahu." Bahasa itu juga dihadkan penggunaannya untuk sekian lama hanya sebagai bahasa pengantar sekolah rendah atau sekolah dasar sahaja.
- 4.02 Melihat pada pertambahan judul yang semakin meningkat, dapat kita katakan bahawa jurang di antara keperluan atau permintaan dengan tawaran buku dan jurnal ilmiah dalam bahasa Melayu akan menyempit walaupun tidak tertutup sama sekali.
- 4.03 Tafsiran kedua ialah tafsiran pesimis di mana pencapaian pada hari ini yang dikatakan kecil itu memperlihatkan ketidakupayaan bahasa Melayu untuk memasyarakatkan ilmu dan teknologi. Tafsiran serupa ini adalah berpunca dari krisis ketidakpercayaan ke atas kemampuan bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa ilmu dan teknologi.

4.04 Tafsiran ini dapat dipatahkan dengan memberikan bukti kekuatan bahasa Melayu itu. Faktor-faktor berikut saya kira membantu mengembalikan keyakinan ke atas bahasa Melayu:⁸

Pertama, bahasa Melayu pernah berperan sebagai bahasa ilmu sebelum kedatangan kuasa-kuasa barat ke Kepulauan Melayu.

Kedua, bahasa Melayu mempunyai tabung kosakata dan frasa pensyarat yang penting untuk kepersisan pernyataan hipotikal dalam ilmu.

Ketiga, bahasa Melayu sudah mempunyai tabung istilah ilmu. Walaupun belum mencukupi, ia memperlihatkan potensi yang amat baik bagi mencipta istilah-istilah baru kerana kefleksibelan prosesnya.

Keempat, bahasa Melayu telah pun digunakan dengan meluas sebagai bahasa pengantar di universiti dalam bidang-bidang ilmu tertentu, terutamanya sains dan kemanusiaan.

Kelima, bahasa Melayu dapat digunakan sebagai pengantar ilmu kerana ada sudah ilmuwan yang fasih berbahasa Melayu dalam disiplin-disiplin ilmu tertentu yang dapat menyampaikan ilmu mereka masing-masing yang mereka perolehi menerusi bahasa Inggris.

Keenam, sudah ada buku-buku ilmu yang ditulis dalam bahasa Melayu dan yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

⁸ Lihat Awang Had Salleh, "Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu", Ucap Utama yang disampaikan kepada **Konvensyen Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu**, di Universiti Sains Malaysia, Mac 11 1989.

- 4.05 Demikianlah, tafsiran kedua itu tidak dapat dipertahankan, Oleh itu, tafsiran pertama tadilah yang lebih wajar diterima, iaitu ketidakcukupan penyebaran ilmu dan teknologi menerusi buku, jurnal, dan majalah itu adalah masalah sementara atau masalah peralihan. Waktu-waktu di hadapan ini akan melihat jurang di antara permintaan dan tawaran itu menjadi lebih kecil.
- 4.06 Baru-baru ini pihak yang berkuasa telah mengumumkan bahawa akan ditubuhkan sebuah Institut Terjemahan Negara bagi memesatkan penerbitan karya-karya terjemahan ke dalam bahasa Melayu. Apabila ini berlaku, akan lebih bertambahlah buku-buku ilmu dan teknologi dalam bahasa Melayu untuk menjadikan lebih mudah proses pemasyarakatan ilmu dan teknologi dalam bahasa Melayu.

5. Pemasyarakatan Penemuan dan Reka Cipta

- 5.01 Pada waktu makalah ini ditulis, tidak diperolehi maklumat dan perangkaan yang terperinci dan sah mengenai penyebaran kedua-duanya itu. Walau bagaimanapun, universiti-universiti dan Institut Teknologi Mara masing-masing mempunyai penerbitan ilmiah sendiri, dan menerusi jurnal dan monograf itu mereka melaporkan penemuan-penemuan dalam penyelidikan.
- 5.02 Di samping universiti terdapat pula beberapa institusi penyelidikan dalam bidang-bidang yang khusus. Sebahagian daripadanya ialah: FRIM (Forestry Research Institute of Malaysia), PORIM (Palm Oil Research Institute of Malaysia), RRI (Rubber Research Institute), MRI (Medical Research Institute), SIRIM (Standards and Industrial Research Institute of Malaysia), MARDI (Malaysian Agricultural Research and Development Institute).
- 5.03 Institut-institut ini melaporkan penyelidikan dan penemuan-penemuannya. Di samping penyebaran tentang penyelidikan dalam

format yang teknikal, ada pula penerbitan dalam bentuk buletin dan risalah yang ditulis dalam format popular untuk kegunaan pengguna-pengguna di lapangan, seperti pekilang dan pembuat barangan industri dan peladang serta petani.

- 5.04 Jurnal-jurnal yang diterbitkan oleh universiti dan institut penyelidikan memuatkan makalah dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa Melayu. Kadar dan imbangan di antara keduanya tidak serupa bagi semua penerbitan. Penyebaran temuan penyelidikan dan eksperimen dalam bentuk buletin dan risalah lebih banyak menggunakan bahasa Melayu.
- 5.05 Tentang reka cipta pula, ia lebih terkhusus tetapi masih juga disebarkan maklumat mengenainya dalam jurnal, monograf dan buletin serta risalah. Yang lebih banyak dan kerap ditulis ialah penemuan penyelidikan. Reka cipta selalunya dihasilkan dari proses R&D yang biasanya memakan masa yang lebih lama. MARDI banyak menyebarkan risalah berhubung dengan reka cipta dalam pertanian dan pemakanan. Jabatan Pertanian juga aktif dalam penyebaran dalam bidang ini.
- 5.06 Demikianlah coretan sekali imbas tentang penyebaran ilmu dan teknologi sehubungan dengan temuan dan reka cipta di Malaysia dalam bahasa Melayu pada masa kini.

6. Beberapa Isu Pemasarakatan Ilmu dan Teknologi

- 6.01 Beberapa isu datang ke fikiran penulis waktu menyediakan makalah ini. Di antaranya ialah (a) konsep pamasarakatan ilmu dan teknologi, lebih-lebih lagi pamasarakatan sehubungan dengan temuan dan reka cipta, (b) teknik penyebaran untuk pamasarakatan.

- 6.02 Pemasyarakatan membawa konotasi pemasyhuran, peluasan pengetahuan, penghayatan dan penggunaan-dalam konteks yang kita bicarakan di sini ialah pemasyhuran pengetahuan tentang temuan dan reka cipta dalam bahasa Melayu di Malaysia. Konotasi pemasyarakatan itu juga membawa makna sesuatu yang tersebar luas di kalangan masyarakat dan digunakan dengan meluasnya oleh mereka.
- 6.03 Masalah yang timbul ialah yang kita bicarakan di sini bukannya pemasyarakatan ilmu dan teknologi secara menyeluruh. Yang kita bicarakan di sini ialah sehubungan dengan penyebaran temuan dan reka cipta yang merupakan ruang lingkup yang amat khusus dan dihayati oleh hanya segolongan kecil penggunaannya. Oleh yang demikian, di samping bercakap tentang pemasyarakatan, kita harus juga mengenal pasti masyarakat sasaran pemasyarakatan itu sendiri.
- 6.04 Dengan demikian, yang menjadi tumpuan kita ialah kumpulan kecil pengguna inilah dan bukannya massa dalam sesuatu masyarakat itu. Dengan kata lain, pemasyarakatan itu harus dilihat dalam konteks "jumaah yang relevan" atau *"the relevant public"*. Dalam penyebaran temuan penyelidikan tentunya "jumaah yang relevan" itu jauh lebih kecil daripada "jumaah yang relevan" kepada penyebaran reka cipta. Dengan kata lain, "jumaah yang relevan" bagi penyebaran temuan penyelidikan teoretis jauh lebih kecil daripada "jumaah yang relevan" bagi penyebaran temuan penyelidikan dan pembangunan atau R&D.
- 6.05 Implikasi kenyataan di atas ialah bahawa walaupun penyebaran temuan dan reka cipta itu kelihatannya tidak seberapa, tidaklah pula bererti tiada proses pemasyarakatan yang berlaku asal sahaja penyebaran itu mendapat perhatian seluruh atau sebahagian besar "jumaah yang relevan" tadi.

- 6.06 Mengenai aspek kedua pula, ialah aspek teknik penyebaran untuk pemasyarakatan, ada beberapa hal yang memerlukan perhatian kita. Di antaranya ialah:
- 6.07 Pertama, kita selalunya memikirkan jurnal dan buletin serta bahan bercetak lain seperti risalah sebagai alat penyebaran maklumat tentang temuan dan reka cipta, pada hal masih ada media lain yang perlu dieksploitasi, seperti radio, tv, dan majalah popular.
- 6.08 Untuk penyebaran temuan penyelidikan kita masih boleh terus melakukannya menerusi jurnal sebab ia sudah sebeti betul dengan "jumaah yang relevan" baginya, tetapi penyebaran reka cipta lebih bersifat popular, dan oleh kerana itu, mestilah disalurkan menerusi kepelbagaian media. Di samping buletin dan majalah yang menarik, penyebaran reka cipta boleh dibuat menerusi radio dan lebih-lebih lagi tv.
- 6.09 Apa yang perlu dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai agensi pengembangan bahasa di Malaysia ialah tidak sahaja menjadi pengilang menerbitkan istilah ilmu dan teknologi, dan juga menerbitkan buku ilmu dan teknologi menggunakan istilah-istilah yang telah dicipta itu, tetapi memasyarakatkan ilmu dan teknologi itu kepada seluas mungkin masyarakat selain daripada "jumaah yang relevan" tadi. Ertinya harus ada usaha Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mempopularkan ilmu dan teknologi kepada masyarakat massa.
- 6.10 Dengan kata lain, Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai tugas tiga-tingkat dalam pemasyarakatan ilmu dan teknologi. Peringkat peringkat itu ialah: (a) pengilangan atau penciptaan istilah, (b) aplikasi istilah dalam penulisan buku untuk "jumaah yang relevan", dan (c) pemasyarakatan istilah dan aplikasi penulisan kepada masyarakat massa pengguna bahasa Melayu,

- 6.11 Peringkat ketiga itu memerlukan teknik pemasaran dalam bidang perdagangan. Untuk menarik masyarakat, massa menghayati dan menganut penyebaran ilmu dan teknologi sehubungan dengan temuan dan reka cipta, pemasaran secara berikut wajar dipertimbangkan:
- 6.12 Pertama, harus dieksploitasi medium yang lain daripada medium cetak sahaja. Rangkaian komputeran perlu juga diterokai mengingat bahawa negara telah mengorak ke program komputerisasi. Akses kepada pusat-pusat komputer nanti diizinkan kepada pelanggan-pelanggan dan ini masalah mobiliti dan juga kepantasan.⁹ dan ini tentunya lebih dimanfaatkan oleh masyarakat "jumaah yang relevan".
- 6.13 Kedua, dalam media cetak itu sendiri, harus diterokai pelbagai alternatif. Buku dan jurnal terkenal kerana tidak menariknya. Oleh itu, harus diterbitkan majalah-majalah seperti, katakan, "Pewarta Ilmu dan Tenologi" atau, lebih khusus lagi, "Dewan Sains dan Teknologi", bergambar, berwarna, menggunakan bahasa antara saintifik dan 'lay' untuk bacaan umum.
- 6.14 Untuk penyebaran temuan dan reka cipta, dapat pula diatur penerbitan "Digest" katakan "Digest Temuan dan Hak Cipta" atau, lebih khusus lagi, "Dewan Sari Penemuan Penyelidikan dan Reka Cipta" yang mengandungi pelbagai macam ringkasan atau abstrak penemuan penyelidikan dan pembangunan. Kandungan yang disaringkan itu diperolehi dari pelbagai jurnal yang diterbitkan oleh pelbagai institusi seperti yang disenaraikan dalam para 5.02 di atas.
- 6.15 Medium lain yang perlu diterokai ialah radio dan tv. "Dewan di

⁹ Lihat Dr. Ahmad Zaki Abu Bakar, "Pemasyarakatan Istilah Melalui Komputer". Kertas kerja disampaikan kepada **Persidangan Perancangan Peristilahan Antarbangsa**, 20-22 November 1990, Kuala Lumpur.

Udara" dapat memenuhi ruang radio dan tv. Cuma jangan gunakan ruang-ruang itu untuk berceramah dengan panjang lebar dan secara akademik. Gunakan teknik pemasaran. Gunakan bahasa popular. Ruang waktunya jangan panjang. Biar pendek tetapi menyentuh aspek-aspek penting temuan dan reka cipta. Akhiri dengan mempelawa pendengar atau penonton untuk menulis kepada Dewan jika memerlukan teks atau risalah yang lebih terperinci mengenai nya.

- 6.16 Demikianlah sekadarnya tentang beberapa isu dan cadangan sehubungan dengan penyebaran temuan dan reka cipta dalam konteks yang lebih luas iaitu masyarakatan ilmu dan teknologi dalam bahasa Melayu di Malaysia pada waktu kini.

7. Kesimpulan

- 7.01 Makalah ini dimulakan dengan pertimbangan istilah dalam pengungkapan judulnya. Sesudah itu dihuraikan pula kedudukan di Malaysia sehubungan dengan penyebaran temuan dan reka cipta dalam bahasa Melayu pada waktu kini.
- 7.02 Keadaan yang wujud di Malaysia kini adalah memberangsakkan walaupun belum sampai ke tahap yang ideal.
- 7.03 Bagi mempercepat proses bahasa Melayu sebagai alat pemasaran ilmu dan teknologi, terutamanya dari segi penyebaran temuan dan reka cipta, beberapa cadangan telah dikemukakan. Satu daripadanya ialah cadangan menggunakan teknik dan strategi pemasaran dalam penyebaran maklumat mengenai ilmu dan teknologi kepada masyarakat massa.

RINCIAN PEMBAHASAN MAKALAH

Sidang	: X
Hari, tanggal	: Selasa, 9 Februari 1993
Pukul	: 15.00--16.00
Penyaji Makalah	: Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh
Judul Makalah	: "Bahasa dan Pemasarakatan Ilmu dan Teknologi dalam Budaya Masa Kini (Penyebaran dan Reka cipta)"
Pemandu	: Dr. Dendy Sugono
Pencatat	: 1. Dra. Hari Sulastri 2. Drs. Amran Purba

TANYA JAWAB

1. b. **Penanya/Penanggap:** Drs. Jan Hoesada, Akuntan Publik, Indonesia

Pada intinya saya sangat terpesona pada ancangan yang *outword looking* atau melihat keluar yang tidak berorientasi pada produksi dalam semata-mata. Dengan melihat ke luar, tampak pada pemakalah sangat terobsesi atau ingin memperluas fasilitas alat untuk memasyarakatkan ilmu dan teknologi. Ada masalah yang dapat dipadukan dengan masalah yang dibawakan Dr. Riga, misalnya *exnovation* yang dikatakan oleh Dr. Riga bahwa problematika adalah mencabut gagasan lama untuk mengganti dengan gagasan baru dan bukan sekedar menanamkan gagasan yang baru saja. Masalah lain tentang *functional literacy* yang dikaitkan dengan pemakalah sebelumnya yang banyak menyajikan masalah sastra dan novel. Ada kemungkinan teknik pemasaran novel harus mempunyai pola khusus. Artinya target pasarnya siapa? Apakah ada target pasar yang terbelah secara fungsional, apakah ada *functional literacy* karena keterbatasan disiplin ilmu yang kita pijak?

2. a. **Penanya:** Prof. Dr. Amran Halim, Universitas Sriwijaya

Apakah tidak sebaiknya ditambahkan satu lagi untuk menunjukkan kemampuan bahasa Melayu atau bahasa Indonesia, yaitu yang sudah dapat digunakan dalam tingkat pemerintahan antarnegara, misalnya permusyawaratan berbagai masalah ilmu dan teknologi yang banyak dibicarakan dalam pertemuan antarnegara dengan menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Indonesia.

Pada PUPI yang disahkan oleh kedua pihak sebelum MBIM menjadi Mabbim terdapat prosedur pembentukan istilah yang memiliki langkah-langkah (1--5). Memasyarakatkan bahasa Melayu sebagai pendukung ilmu dan teknologi itu tidak berarti kita harus mengorbankan langkah-langkah 1--4 dengan jalan menerjemahkan istilah bahasa Inggris atau kita menyerap istilah Inggris sekaligus menyerap ejaannya.

b. **Jawaban**

Bukan pembentukan istilah yang sangat mengkhawatirkan, tetapi memberikan kemudahan kepada mereka untuk mendapatkan akses persamaan istilah. Gambaran mereka, kita selalu berubah-ubah dalam pembentukan istilah, pendirian kita tidak tetap. Pemecahannya, kita harus konsisten dalam membuat istilah. Jadi, jangan dikorbankan apa yang ada dalam panduan, tetapi permudahlah akses mendapatkan persamaan istilah.

Lampiran 1

**ACARA
SEMINAR KEBAHASAAN DAN KESASTRAAN**

Senin, 8 Februari 1993

09.00--10.30 Pembukaan

- 1) Laporan Ketua Perutusan Indonesia
- 2) Laporan Ketua Perutusan Malaysia
- 3) Laporan Ketua Perutusan Brunei Darussalam
- 4) Penyerahan Tanda Penghargaan
- 5) Sambutan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan RI sekaligus meresmikan Sidang Ke-32 Mabbim, Seminar Kebahasaan/ Kesastraan, dan Pameran (Dilanjutkan dengan melihat pameran Dua Dasawarsa Mabbim)

10.30--11.00 Istirahat/Minum Kopi

11.00--12.00 Pemakalah I : Dr. Hasan Alwi
(Indonesia)

Topik : "Kebijakan Pembinaan dan Pengembangan Bahasa dalam Transformasi Budaya".

Pemandu : Dr. Hans Lapoliwa, M.Phil.
(Indonesia)

Pencatat : 1. Dra. Hartini Supadi
2. Drs. Amran Purba

12.00--13.00 Pemakalah II : Prof. Dr. St. Takdir Alisjahbana
(Indonesia)

Topik : "Perkembangan Bahasa Melayu dalam Menghadapi Tuntutan Zaman".

Pemandu : Prof. Dr. Abd. Hassan
(Malaysia)

Pencatat : 1. Dra. Hari Sulastri
2. Drs. Teguh Dewabrata

13.00--14.30 Istirahat/Makan Siang

14.30--15.30 Pemakalah III : Prof. Dr. Nik Safiah Abd. Karim
(Malaysia)
Topik : "Peningkatan Kuantiti dan Kualiti Pemakanaan Bahasa Malaysia Menjelang Masyarakat Industri"
Pemandu : Awang Haji Ahmad bin Kadi
(Brunei Darussalam)
Pencatat : 1. Dra. Hartini Supadi
2. Drs. Amran Purba

15.30--16.30 Pemakalah IV : Awang Mohd. Zaini Haji Omar (Brunei Darussalam)
Topik : "Peningkatan Kuantiti dan Kualiti Pemakanaan Bahasa Melayu Brunei Darussalam Menjelang Masyarakat Industri".
Pemandu : A. Latief, M.A.
(Indonesia)
Pencatat : 1. Dra. Hari Sulastri
2. Drs. Teguh Dewabrata

Selasa, 9 Februari 1993

08.00--09.00 Pemakalah V : Awang Haji Abd. Hakim Hj. Mohd. Yassin (Brunei Darussalam)
Topik : "Perkembangan Sastra Melayu Moden Brunei Darussalam dan Masalah yang Dihadapi"
Pemandu : Dr. Nafron Hasjim
(Indonesia)

- Pencatat : 1. Dra. Hartini Supadi
2. Drs. Teguh Dewabrata
- 09.00--10.00 Pemakalah VI : Dr. Riga Adiwoso Suprpto
(Indonesia)
- Topik : "Bahasa dan Pemasarakatan Ilmu dan Teknologi dalam Budaya Masa Kini (Penyebaran Temuan dan Reka Cipta)".
- Pemandu : Awang Mohd. Zaini Haji Omar
(Brunei Darussalam)
- Pencatat : 1. Dra. Hari Sulastri
2. Drs. Amran Purba
- 10.00--10.30 Istirahat/Minum Kopi
- 10.45--11.45 Pemakalah VII : Dr. Sapardi Djoko Damono
(Indonesia)
- Topik : "Perubahan Sosial-Budaya Seperti yang Tercermin dalam Sastra"
- Pemandu : Prof. Madya Hj. Amat Johari Moain
(Malaysia)
- Pencatat : 1. Dra. Hartini Supadi
2. Drs. Teguh Dewabrata
- 11.45--12.45 Pemakalah VIII : Awang Haji Metussin bin Omar
(Brunei Darussalam)
- Topik : "Bahasa dan Pemasarakatan Ilmu dan Teknologi dalam Budaya Masa Kini (Penyebaran Temuan dan Reka Cipta)".
- Pemandu : Prof. Dr. Hj. Farid M. Onn
(Malaysia)
- Pencatat : 1. Dra. Hari Sulastri
2. Drs. Amran Purba
- 12.45--14.00 Istirahat/Makan Siang

- 14.00--15.00 Pemakalah IX : A. Samad Said, S.N.
(Malaysia)
- Topik : "Perkembangan Sastra Melayu:
Tuntutan dan Kemampuannya"
- Pemandu : Peng. Hj. Badaruddin bin Peng. Hj.
Ghani (Brunei Darussalam)
- Pencatat : 1. Dra. Hartini Supadi
2. Drs. Teguh Dewabrata
- 15.00--16.00 Pemakalah X : Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh
(Malaysia)
- Topik : "Bahasa dan Pemasarakatan Ilmu dan
Teknologi dalam Budaya Masa Kini
(Penyebaran Temuan dan Reka cipta)".
- Pemandu : Dr. Dendy Sugono
(Indonesia)
- Pencatat : 1. Dra. Hari Sulastri
2. Drs. Amran Purba
- 16.00--17.00 Penutupan
- 17.00-- Istirahat/Makan Malam

Lampiran 2

PESERTA INDONESIA

1. Ir. Mohd. Ali Ismail, M.Eng.
Pembantu Dekan I Fakultas Teknik, Universitas Syiah Kuala (Aceh)
2. Ir. Herman Mawengkang
Dekan Fakultas MIPA, Universitas Sumatera Utara (Medan)
3. Drs. Soekadji
Dekan Fakultas MIPA, Universitas Riau (Riau)
4. Drs. Asmaedy Samah
Dekan Fakultas MIPA, Universitas Andalas (Padang)
5. Ir. Hadiyono, M.S.
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Jambi (Jambi)
6. Dr. Zainal Ridho Djafar
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Sriwijaya (Palembang)
7. Azhari Rangga, M.App.Sc.
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Lampung (Bandar Lampung)
8. Dr. Djati Kerami
Pembantu Dekan Fakultas MIPA, Universitas Indonesia (Jakarta)
9. Ir. K.M. Hasibuan, M. Biomath.
Pembantu Dekan I Fakultas MIPA, Institut Pertanian Bogor (Bogor)
10. Prof. Dr. R. Hadiman
Dekan Fakultas MIPA, Universitas Padjadjaran (Bandung)

11. Drs. Lestanto Unggul Widodo, M.S.
Dekan FBiologi, Universitas Jenderal Soedirman (Purwokerto)
12. Drs. Suryo Guritno, M. Stats., Ph. D.
Dekan Fakultas MIPA, Universitas Gadjah Mada (Jogjakarta)
13. Prof. Drs. Suhardjo, M.S.
Dekan FPMIPA, Universitas Sebelas Maret (Surakarta)
14. Dr. Ami Soewandi J.S.
Dekan Fakultas MIPA, Universitas Airlangga (Surabaya)
15. Drs. Taslim Ersam
Dosen Fakultas MIPA, Institut 10 November (Surabaya)
16. Ir. Susijahadi, M. S.
Dekan Fakultas Pertanian. Universitas Jember (Jember)
17. Ir. Aminardi, M. S.
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Tanjung Pura (Pontianak)
18. Dr. Ir. Athaillah Mursyid, M. S.
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Lambung Mangkurat (Banjar Masin)
19. Prof. Dr. R. Tarmudhi R.A.
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Mulawarman (Samarinda)
20. Ir. Rinto R. Nuhan
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Palangkaraya (Palangkaraya)
21. Ir. Wayan Windia, M. S.
Dekan Fpertanian, Universitas Udayana (Bali)

22. Ir. Mansur Ma'shum, Ph.D.
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Mataram (NTB)
23. Ir. Retno Nuningsih, M.S.
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Nusa Cendana (NTT)
24. Dr. Abd. Rauf Patong
Dekan Fakultas MIPA, Universitas Hasanuddin (Ujung Pandang)
25. Ir. Masril Bustami, M. Sc.
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Tadulako (Palu)
26. Ir. H. Mah'mud Hamundu, M.Sc.
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Haluoleo (Kendari)
27. Prof. Ir. Jopie Paruntu, M. S., Ph. D.
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Sam Ratulangi (Manado)
28. Ir. J.D. Putinella
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Pattimura (Ambon)
29. Ir. Herman Makalew, M.S.
Dekan Fakultas Pertanian, Universitas Cenderawasih (Irian Jaya)
30. Drs. E. Sitompul
Dekan Fakultas PMIPA, IKIP Medan
31. Drs. Raflis Kosasi, M. Sc.
Dekan Fakultas PMIPA, IKIP Padang
32. Ir. Anwar Arief, M.Sc.
Pembantu Dekan I Fakultas PMIPA, IKIP Jakarta

33. Dr. Sarosa Purwadi
Dekan Fakultas PMIPA, IKIP Semarang
34. Prof. Dr. Sukardjo
Dekan Fakultas PMIPA, IKIP Yogyakarta
35. Drs. Ali Moertolo
Dekan Fakultas PMIPA, IKIP Malang
36. Drs. Koespono
Dekan Fakultas PMIPA, IKIP Surabaya
37. Drs. Rahman Karim
Dekan Fakultas PMIPA, IKIP Ujung Pandang
38. Drs. S. Lumape, M. S.
Dekan FPMIPA, IKIP Manado
39. Dra. Patimah Moerwani, M. Sc.
Dekan Fakultas MIPA, Universitas Terbuka
40. Drs. M.M. Purbohadiwidjojo
Bandung
41. Dr. Liek Wilardjo
Universitas Kristen Satya Wacana, Salatiga
42. Dr. Mien A. Rifai
Herbarium Bogoriense, Bogor
43. Dr. A. Hadyana Pudjaatmaka
PT Cipta Adi Pustaka, Jakarta

44. Ir. Ny. Indreswari Guritno
Fakultas Teknik, Universitas Indonesia
45. Dr. Ir. Darmawan Harsokoesoemo
Fakultas Teknik, Institut Teknologi Bandung
46. Ny. L. K. Somadikarta, M. A.
Fakultas Sastra, Universitas Indonesia
47. Drs. Adjat Sakri, M. A.
Fakultas Seni Rupa dan Desain, Institut Teknologi Bandung
48. Prof. Dr. Ir. Triharso
Fakultas Pertanian, Universitas Gadjah Mada
49. B. N. Marbun, S.H.
Anggota DPR/MPR
50. Prof. Dr. Barizi
Fakultas MIPA, Institut Pertanian Bogor
51. Drs. Lukman Ali
Fakultas Sastra, Universitas Indonesia
52. Prof. Dr. Amran Halim
Universitas Sriwijaya
53. Prof. Dr. Anton M. Moeliono
Fakultas Sastra, Universitas Indonesia
54. Dr. S. W. Rujjati Mulyadi
Fakultas Sastra, Universitas Indonesia

55. Dra. Sri Sukesri Adiwimarta
Fakultas Sastra, Universitas Indonesia
56. Prof. Dr. A. Ikram
Fakultas Sastra, Universitas Indonesia
57. Dr. Asim Gunarwan
Fakultas Sastra, Universitas Indonesia
58. Dr. B.E.F. da Silva
Fakultas MIPA, Universitas Indonesia
59. A. Latief, M. A.
PPPG, Srengseng
60. Prof. Dr. Soejono Dardjowidjojo
Universitas Katolik Atmajaya
61. Dr. Bambang Kaswanti Purwo
Universitas Katolik Atmajaya
62. Prof. Dr. Soekeni Soedigdo
Program Pascasarjana, Institut Teknologi Bandung
63. Prof. Dr. Goeswin Agoes
Departemen Kimia, Fakultas MIPA, Institut Teknologi Bandung
64. Dr. Sumartono Prawirasusanto
Fakultas MIPA, Universitas Gadjah Mada
65. Dr. Adhi Susanto
Fakultas Teknik, Universitas Gadjah Mada

66. Ir. Suarno Suardjo
Kasubdit Standardisasi, Direktorat Jenderal Ketenagaan
Departemen Pertambangan dan Energi
67. Drs. Jan Hoesada, M.M.
Akuntan Publik Drs. Jan Hoesada
68. Prof. Dr. A. Joenoes
Fakultas MIPA, Universitas Padjadjaran
69. Hans Kawulusan
Dewan Pertahanan dan Keamanan Nasional (Wanhankamnas)
70. Prof. Dr. Ir. Dali S. Naga
Kepala Lembaga Penelitian
IKIP Jakarta
71. Prof. Dr. Ing. K.T. Sirait
Fakultas Teknik Industri, Institut Teknologi Bandung
72. Drs. Soedarno
Fakultas Tarbiyah
IAIN Syarif Hidayatullah
73. Drs. Subagio Sastrowardoyo
Jakarta
74. LKBN Antara
75. TVRI Pusat Jakarta
76. Tomo
RRI Jakarta

77. Haris Jauhari
Televisi Pendidikan Indonesia
78. Sarwono Puposaputro
Wartawan Harian *Kompas*
79. *Media Indonesia*
80. *Suara Pembaharuan*
81. Laksito Adi Darmono
Wartawan Harian *Suara Karya*
82. Majalah *Eksekutif*
83. Muzhar Muchtar
Majalah *ASRI*
84. Dra. Irmina Irawati
Editor Majalah *SWASEMBADA*
85. Dra. Agung Artini Mataram
Editor Majalah *LARAS*
86. Dr. Hein Steinhauer
Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
87. Drs. A. Mutalib
Balai Penelitian Bahasa di Ujungpandang
88. Drs. Suwadji
Balai Penelitian Bahasa di Yogyakarta

89. Drs. I Nyoman Sulaga, M. S.
Balai Penelitian Bahasa di Denpasar
90. Dra. Hartini Supadi
Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
91. Dra. Dad Murniah
Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
92. Dra. Meity Taqdir Qodratilah
Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
93. Dra. Hari Sulastri
Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
94. Drs. Amran Purba
Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
95. Drs. Teguh Dewabrata
Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
96. Drs. Hasjmi Dini
Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
97. Dr. Edwar Djamaris
Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
98. Dr. Dendy Sugono
Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa

Lampiran 3

PESERTA BRUNEI DARUSSALAM

- | | |
|--|-----------------|
| 1. Dato Paduka Haji Mahmud Hj. Bakyr | Ketua Perutusan |
| 2. Awang Hanafiah bin Haji Awang Zaini | Setiausaha |
| 3. Pg. Haji Badaruddin bin Pg. Ghani | Ahli JKTBMBD |
| 4. Awang Haji Ahmad bin Kadi | Ahli JKTBMBD |
| 5. Awang Mohd. Amin BPKDP Hj. Sirat | Ahli JKTBMBD |
| 6. Awang Mohd. Zaini Hj. Omar | Ahli JKTBMBD |
| 7. Awang Haji Metussin bin Omar | Ahli JKTBMBD |
| 8. Awang Haji Abd. Hakim bin Hj. Md. Yassin | Sastra |
| 9. Awang Mohd. Aliddin bin Abd. Ghani | Matematika |
| 10. Awang Abd. Majid bin Hj. Abd. Rahman | Kimia |
| 11. Awang Haji Abd. Razak bin Metassan | Fizik |
| 12. Dr. Haji Serudin bin DS Hj. Tinggal | Biologi |
| 13. Lima orang dari Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan | |

PESERTA MALAYSIA

- | | | |
|-----|--|------------|
| 1. | Dato' Haji Jumaat bin Dato' Hj. Mohd. Noor | Ketua |
| 2. | Prof. Dr. Hajah Asmah Hj. Omar | Anggota |
| 3. | Prof. Dr. abdullah Hassan | Anggota |
| 4. | Prof. Dr. Haji Farif M. Onn | Anggota |
| 5. | Prof. Madya Hj. Amat Johari Moain | Anggota |
| 6. | Dato' Tan Sri Awang Had Salleh | Anggota |
| 7. | Samad Said, S.N. | Anggota |
| 8. | Prof. Dr. Nik Safiah Karim | Anggota |
| 9. | Datin Azizah Mokhzani | Anggota |
| 10. | Encik Ismail Dahaman | Sekretaris |
| 11. | Encik Zubaidi Abas | Setiausaha |
| 12. | Prof. Madya Dr. Zakaria Mohd. Amin | Kimia |
| 13. | Prof. Madya Dr. Abd. Razak Salleh | Matematika |
| 14. | Prof. Madya Dr. Mohd. Yahaya | Fisika |
| 15. | Prof. Madya Dr. Baharuddin Salleh | Biologi |
| 16. | Rombongan Kesenian Dewan Bahasa dan Pustaka (12 orang) | |

PESERTA SINGAPURA

- | | |
|------------------------|-------------|
| 1. Yatiman Yusof | Ketua |
| 2. Wan Hussin Zoohri | Wakil Ketua |
| 3. Muhammad Arif Ahmad | Anggota |
| 4. Almuddin Hashim | Anggota |
| 5. Ahmad Thani Ahmad | Anggota |

